



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 26

Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai

Mac 2014

MPSAS 26 - PENJEJASAN NILAI ASET MENJANA TUNAI

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 26, *Impairment Of Cash-Generating Assets* dalam *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements* oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000
Faks : 03-88821765
Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 26 – PENJEJASAN NILAI ASET MENJANA TUNAI

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1
Skop.....	2-12
Takrif.....	13-20
Aset Menjana Tunai.....	14-18
Susut Nilai.....	19
Penjejasan Nilai.....	20
Mengenal Pasti Aset yang Mungkin Terjejas.....	21-30
Mengukur Amaun Boleh Pulih.....	31-70
Mengukur Amaun Boleh Pulih bagi Aset Tak Ketara Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan.....	37
Nilai Saksama tolak Kos Untuk Menjual.....	38-42
Nilai Sedang Digunakan.....	43-70
Asas bagi Anggaran Aliran Tunai Masa Hadapan.....	46-51
Komposisi Anggaran Aliran Tunai Masa Hadapan.....	52-66
Aliran Tunai Masa Hadapan Mata Wang Asing.....	67
Kadar Diskaun.....	68-70
Mengiktiraf dan Mengukur Kerugian Penjejasan Nilai bagi Aset Individu.....	71-75
Unit Menjana Tunai.....	76-97
Mengenal Pasti Unit Menjana Tunai bagi Aset Utama.....	77-84
Amaun Boleh Pulih dan Amaun Bawaan bagi Unit Menjana Tunai.....	85-90
Kerugian Penjejasan Nilai bagi Unit Menjana Tunai.....	91-97
Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai.....	98-111
Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai bagi Aset Individu.....	106-109
Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai bagi Unit Menjana Tunai.....	110-111
Penentuan Semula Aset.....	112-113
Pendedahan.....	114-125
Pendedahan Anggaran yang Digunakan untuk Mengukur Amaun Boleh Pulih bagi Unit Menjana Tunai yang Mengandungi Aset Tak Ketara Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan.....	123-125
Tarikh Kuat Kuasa.....	126-127
Lampiran A: Panduan Aplikasi	
Ilustrasi Pokok Keputusan	
Panduan Pelaksanaan	
Perbandingan dengan IPSAS 26	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 26, *Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai*, dinyatakan dalam perenggan 1-127. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 26 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk pemilihan dan pemakaian dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan prosedur yang digunakan oleh entiti bagi menentukan sama ada aset menjana tunai terjejas, dan memastikan kerugian penjejasan nilai diiktiraf. Piawaian ini juga menentukan bila entiti perlu menterbalikkan kerugian penjejasan nilai, dan menetapkan pendedahan.

Skop

2. Sesuatu entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut perakaunan asas akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini dalam memperakaunkan penjejasan nilai aset menjana tunai, kecuali bagi:
 - (a) Inventori (rujuk MPSAS 12, *Inventori*);
 - (b) Aset yang terhasil daripada kontrak pembinaan (rujuk MPSAS 11, *Kontrak Pembinaan*);
 - (c) Aset kewangan yang berada dalam skop MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*;
 - (d) Hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama (rujuk MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*);
 - (e) Hartanah, loji dan peralatan menjana tunai yang diukur pada amaun nilai semula (rujuk MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*);
 - (f) Aset cukai tertunda (rujuk piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang relevan berkaitan dengan aset cukai tertunda);
 - (g) Aset yang terhasil daripada manfaat pekerja (rujuk MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*);
 - (h) Aset menjana tunai tak ketara yang diukur pada amaun nilai semula (rujuk MPSAS 31, *Aset Tak Ketara*);
 - (i) Nama baik;
 - (j) Aset biologi yang berkait dengan aktiviti pertanian yang diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual (rujuk MPSAS 27, *Pertanian*);
 - (k) Kos perolehan tertunda, dan aset tak ketara, yang timbul daripada hak kontraktual penginsurans di bawah kontrak insurans dalam skop piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang relevan berkaitan dengan kontrak insurans;
 - (l) Aset bukan semasa (atau kelompok pelupusan aset) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, yang diukur pada nilai terendah antara amaun bawaan

dengan nilai saksama, tolak kos untuk menjual, menurut piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang relevan berkaitan aset bukan semasa dipegang untuk jualan dan penamatan operasi; dan

- (m) **Aset menjana tunai lain yang mempunyai keperluan perakaunan untuk penjejasan nilai dalam Piawaian lain.**
3. **Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
 4. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.
 5. GBE mengguna pakai MFRS 136, *Penjejasan Nilai Aset*, dan oleh itu tidak tertakluk kepada peruntukan Piawaian ini. Entiti sektor awam, selain GBE, yang memegang aset tidak menjana tunai seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 13, mengguna pakai MPSAS 21, *Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai*, bagi aset tersebut. Entiti sektor awam, selain GBE, yang memegang aset menjana tunai mengguna pakai keperluan Piawaian ini.
 6. Skop Piawaian ini tidak termasuk aset tak ketara menjana tunai yang kerap dinilai semula kepada nilai saksama. Skop Piawaian ini termasuk semua aset tak ketara menjana tunai selain yang dinilai semula kepada nilai saksama (contohnya, aset tak ketara menjana tunai yang dibawa pada kos, tolak apa-apa pelunasan terkumpul).
 7. Skop Piawaian ini tidak termasuk nama baik. Entiti mengguna pakai keperluan piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang relevan berkaitan dengan penjejasan nilai nama baik, peruntukan nama baik pada unit menjana tunai, dan ujian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai yang mempunyai nama baik.
 8. Piawaian ini tidak terpakai bagi inventori dan aset menjana tunai yang timbul daripada kontrak pembinaan, kerana aset ini mempunyai piawaian sedia ada yang terpakai untuk mengiktiraf dan mengukur aset tersebut. Piawaian ini tidak terpakai bagi aset cukai tertunda, aset yang berkait dengan manfaat pekerja, atau kos perolehan tertunda dan aset tak ketara yang timbul daripada hak kontraktual penginsurans di bawah kontrak insurans. Penjejasan nilai aset tersebut dibincangkan dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang berkaitan. Selain itu, Piawaian ini tidak terpakai untuk:
 - (a) aset biologi yang berkait dengan aktiviti pertanian yang diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual, dan
 - (b) **Aset bukan semasa (atau kelompok pelupusan aset) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, yang diukur pada nilai terendah antara amaun bawaan dengan nilai saksama, tolak kos untuk menjual.**

MPSAS 27 mengenai aset biologi yang berkait dengan aktiviti pertanian, dan piawaian perakaunan antarabangsa atau tempatan yang relevan berkaitan aset bukan semasa (atau kelompok pelupusan aset) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, mengandungi keperluan pengukuran.

9. Piawaian ini tidak terpakai untuk sebarang aset kewangan yang termasuk dalam skop MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*. Penjelasan nilai aset ini dibincangkan dalam MPSAS 29.
10. Piawaian ini tidak menghendaki supaya ujian penjejasan nilai dijalankan terhadap hartanah pelaburan yang dibawa pada nilai saksama menurut MPSAS 16. Di bawah model nilai saksama dalam MPSAS 16, hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama pada tarikh pelaporan, dan sebarang penjejasan nilai akan diambil kira dalam penilaian.
11. Piawaian ini tidak menghendaki supaya ujian penjejasan nilai dijalankan terhadap aset menjana tunai yang dibawa pada amaun nilai semula di bawah model penilaian semula dalam MPSAS 17. Di bawah model penilaian semula dalam MPSAS 17, aset akan dinilai semula dengan kekerapan yang mencukupi bagi memastikan aset tersebut dibawa pada amaun yang tidak banyak berbeza secara material daripada nilai saksamanya pada tarikh pelaporan, dan sebarang penjejasan nilai akan diambil kira dalam penilaian tersebut.
12. Pelaburan dalam:
 - (a) Entiti terkawal, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan*;
 - (b) Entiti bersekutu, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*; dan
 - (c) Usaha sama, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*,

merupakan aset kewangan yang tidak termasuk dalam skop MPSAS 29. Jika pelaburan tersebut merupakan aset menjana tunai, ia dibincangkan di bawah Piawaian ini. Jika aset ini merupakan aset tidak menjana tunai, ia dibincangkan di bawah MPSAS 21.

Takrif

13. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

Unit Menjana Tunai ialah kumpulan aset paling kecil yang dikenal pasti yang dipegang dengan matlamat utama, untuk menjana pulangan komersil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan, yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai daripada aset atau kumpulan aset yang lain.

Nilai sedang digunakan bagi aset menjana tunai ialah nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan diperolehi daripada penggunaan aset secara berterusan dan pelupusannya pada akhir usia guna.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian tersebut, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah* yang diterbitkan secara berasingan.

Aset Menjana Tunai

14. Aset menjana tunai ialah aset yang dipegang dengan matlamat utama, iaitu menjana pulangan komersil. Aset menjana pulangan komersil apabila ia digunakan secara konsisten dengan cara yang diterima pakai oleh entiti berorientasikan keuntungan. Pemegangan aset bagi menjana “pulangan komersil” menunjukkan bahawa entiti berhasrat untuk:

- (a) menjana aliran masuk tunai positif daripada aset tersebut (atau sebahagian daripadanya adalah unit menjana tunai), dan
- (b) memperoleh pulangan komersil yang menggambarkan risiko yang terlibat dalam pemegangan aset tersebut.

Aset mungkin dipegang dengan matlamat utama, iaitu menjana pulangan komersil, walaupun ia tidak mencapai matlamat tersebut semasa tempoh pelaporan tertentu. Sebaliknya, aset mungkin merupakan aset tidak menjana tunai, walaupun ia mungkin memberi pulangan modal atau menjana pulangan komersil semasa tempoh pelaporan tertentu. Melainkan dinyatakan sebaliknya, rujukan kepada “aset” atau “aset-aset” dalam perenggan berikut dalam Piawaian ini merupakan rujukan kepada “aset(-aset) menjana tunai.”

15. Terdapat beberapa keadaan yang entiti sektor awam boleh memegang beberapa aset dengan matlamat utama, iaitu menjana pulangan komersil, walaupun sebahagian besar asetnya tidak dipegang untuk tujuan tersebut. Sebagai contoh, hospital boleh menggunakan bangunan untuk pesakit yang membayar fi. Aset menjana tunai entiti sektor awam mungkin beroperasi secara berasingan daripada aset tidak menjana tunai entiti tersebut. Sebagai contoh, pejabat surat ikatan mungkin memperoleh fi pendaftaran tanah secara berasingan daripada jabatan hal ehwal tanah.

16. Dalam keadaan tertentu, aset mungkin menjana aliran tunai, walaupun ia dipegang terutamanya untuk tujuan pemberian perkhidmatan. Sebagai contoh, loji pelupusan sisa dikendalikan bagi memastikan sisa perubatan yang dihasilkan oleh hospital dibawah kawalan negeri, dilupuskan dengan selamat, tetapi loji tersebut juga merawat secara komersil sejumlah kecil sisa perubatan yang dihasilkan oleh hospital swasta. Rawatan sisa perubatan dari hospital swasta merupakan aktiviti sampingan loji tersebut, dan aset yang menjana aliran tunai tidak dapat dibezakan daripada aset tidak menjana tunai.

17. Dalam contoh yang lain, aset mungkin menjana aliran tunai dan juga digunakan bukan untuk tujuan menjana tunai. Sebagai contoh, sebuah hospital kerajaan mempunyai sepuluh wad, sembilan daripadanya digunakan secara komersil untuk pesakit yang membayar fi, manakala satu wad lagi digunakan untuk pesakit yang tidak membayar fi. Pesakit dari kedua-dua wad juga menggunakan kemudahan hospital yang lain secara guna sama (contohnya, kemudahan pembedahan). Pemakaian peruntukan Piawaian ini atau MPSAS 21 tertakluk kepada pertimbangan setakat mana aset tersebut dipegang dengan objektif untuk memberikan

pulangan komersil kepada entiti.. Jika, seperti dalam contoh di atas, komponen tidak menjana tunai tersebut merupakan komponen yang tidak signifikan dalam keseluruhan aturan, oleh itu, entiti mengguna pakai Piawaian ini, dan bukan MPSAS 21.

18. Dalam sesetengah kes, mungkin tidak jelas sama ada matlamat utama pemegangan aset adalah untuk menjana pulangan komersil. Dalam kes tersebut, signifikan aliran tunai perlu dinilai. Mungkin sukar untuk menentukan sama ada setakat mana aset menjana aliran tunai adalah begitu signifikan sehingga Piawaian ini, dan bukan MPSAS 21, terpakai. Pertimbangan diperlukan bagi menentukan Piawaian yang harus diguna pakai. Entiti mewujudkan kriteria supaya ia boleh membuat pertimbangan tersebut secara konsisten menurut takrif aset menjana tunai dan aset tidak menjana tunai serta panduan yang berkaitan dalam perenggan 14-17. Perenggan 114 menghendaki entiti mendedahkan kriteria yang digunakan dalam membuat pertimbangan ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan objektif keseluruhan kebanyakan entiti sektor awam selain GBE, diandaikan bahawa aset adalah tidak menjana tunai dan, oleh itu, MPSAS 21 akan terpakai.

Susut Nilai

19. Susut nilai dan pelunasan ialah peruntukan, secara sistematik, amaun boleh susut nilai bagi aset sepanjang usia gunanya. Dalam kes aset tak ketara, istilah “pelunasan”, dan bukan “susut nilai”, umumnya digunakan. Kedua-dua istilah mempunyai makna yang sama.

Penjelasan nilai

20. Piawaian ini mentakrifkan “penjelasan nilai” sebagai kerugian dalam manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan aset, selain pengiktirafan, secara sistematik, kerugian manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan aset menerusi susut nilai. Oleh itu, penjelasan nilai aset menjana tunai menggambarkan kemerosotan dalam manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang wujud dalam aset kepada entiti yang mengawalnya. Sebagai contoh, entiti mungkin mempunyai garaj letak kereta perbandaran yang sedang digunakan pada kapasiti 25 peratus. Ia dipegang untuk tujuan komersil, dan pihak pengurusan telah menganggarkan bahawa ia menjana kadar pulangan komersil apabila penggunaan adalah pada kapasiti 75 peratus ke atas. Kemerosotan dalam penggunaan tidak disebabkan oleh peningkatan yang signifikan dalam bayaran letak kereta. Aset tersebut dianggap sebagai terjejas kerana amaun bawaan melebihi amaun boleh pulihnya.

Mengenal Pasti Aset yang Mungkin Terjejas

21. Aset terjejas apabila amaun bawaan melebihi amaun boleh pulihnya. Perenggan 25-27 menerangkan beberapa petunjuk bahawa kerugian penjelasan nilai mungkin telah berlaku. Sekiranya wujud petunjuk tersebut, entiti dikehendaki membuat anggaran formal bagi amaun boleh pulih. Kecuali bagi keadaan yang diterangkan dalam perenggan 23, Piawaian ini tidak menghendaki entiti membuat anggaran formal bagi amaun boleh pulih jika petunjuk kerugian penjelasan nilai tidak wujud.
22. **Entiti hendaklah menaksir, pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang**

petunjuk bahawa aset mungkin terjejas. Jika petunjuk tersebut wujud, entiti hendaklah menganggarkan amaun boleh pulih aset.

23. Tanpa mengira sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai, entiti juga hendaklah menguji, aset tak ketara dengan usia guna yang tidak dapat ditentukan atau aset tak ketara yang belum tersedia untuk digunakan untuk penjejasan nilai tahunan dengan membandingkan amaun bawaan dengan amaun boleh pulihnya. Ujian penjejasan nilai ini boleh dijalankan pada bila-bila masa dalam tempoh pelaporan, dengan syarat ia dijalankan pada masa yang sama setiap tahun. Aset tak ketara yang berbeza boleh diuji untuk penjejasan nilai pada masa yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika aset tak ketara diiktiraf pada awal tempoh pelaporan semasa, aset tak ketara tersebut hendaklah diuji untuk penjejasan nilai, sebelum akhir tempoh pelaporan semasa.
24. Keupayaan aset tak ketara untuk menjana manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang mencukupi bagi mendapat kembali amaun bawaannya pada kebiasaannya tertakluk kepada lebih banyak ketakpastian sebelum aset tersebut sedia digunakan berbanding selepas ia tersedia digunakan. Oleh itu, Piawaian ini menghendaki entiti menguji, sekurang-kurangnya setiap tahun, amaun bawaan aset tak ketara yang belum tersedia untuk digunakan untuk melihat sama ada ia terjejas.
25. **Dalam menaksir sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa aset mungkin terjejas, entiti hendaklah mempertimbangkan, sekurang-kurangnya petunjuk yang berikut:**

Maklumat daripada sumber luar

- (a) **Dalam tempoh tertentu, nilai pasaran aset telah merosot dengan signifikan lebih daripada yang dijangka akibat peredaran masa atau penggunaan biasa;**
- (b) **Perubahan signifikan yang memberikan kesan buruk terhadap entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut, atau akan berlaku dalam masa terdekat, dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi atau persekitaran perundangan yang didalamnya entiti beroperasi, atau dalam pasaran yang untuknya aset dikhaskan;**
- (c) **Kadar faedah pasaran atau kadar pulangan pelaburan pasaran yang lain telah meningkat semasa tempoh tersebut, dan peningkatan tersebut mungkin menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai aset sedang digunakan dan mengurangkan amaun boleh pulih aset secara material;**

Maklumat daripada Sumber Dalaman

- (d) **Terdapat bukti keusangan atau kerosakan fizikal pada aset;**
- (e) **Perubahan signifikan yang memberikan kesan buruk terhadap entiti telah berlaku semasa tempoh tersebut, atau dijangka akan berlaku dalam masa terdekat, dari segi setakat mana, atau cara, aset digunakan atau dijangka akan**

digunakan. Perubahan ini termasuk aset menjadi terbiar, perancangan untuk menamatkan atau menstrukturkan semula operasi yang melibatkan aset, perancangan untuk melupuskan aset sebelum tarikh yang dijangka sebelum ini, dan menilai semula usia guna aset sebagai dapat ditentukan dan tidak dapat ditentukan;

- (eA) **Keputusan untuk menghentikan pembinaan aset sebelum ia siap atau dalam keadaan boleh digunakan; dan**
 - (f) **Terdapat bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi ekonomi aset adalah, atau akan menjadi, lebih teruk daripada yang dijangka.**
26. Senarai dalam perenggan 25 tidak menyeluruh. Entiti mungkin mengenal pasti petunjuk lain bahawa aset mungkin terjejas, dan ini juga memerlukan entiti menentukan amaun boleh pulih aset.
27. Bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa aset mungkin terjejas termasuk wujudnya:
- (a) Aliran tunai untuk memperoleh aset, atau keperluan tunai berikutnya untuk mengendalikan atau menyenggaranya, yang lebih tinggi dan signifikan daripada bajet asal;
 - (b) Aliran tunai bersih sebenar, atau lebih atau kurang, yang mengalir daripada aset, yang lebih teruk dan signifikan daripada yang dibajetkan;
 - (c) Kemosrotan yang signifikan dalam bajet aliran tunai bersih atau lebih, atau peningkatan signifikan dalam kerugian yang telah dibajetkan, yang mengalir daripada aset; atau
 - (d) Kurangan atau aliran keluar tunai bersih bagi aset, apabila amaun tempoh semasa diagregatkan dengan amaun yang dibajetkan untuk masa hadapan.
28. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 23, Piawai ini menghendaki supaya aset tak ketara dengan usia guna yang tidak dapat ditentukan atau aset tak ketara yang belum tersedia untuk digunakan diuji untuk penjejasan, sekurang-kurangnya setiap tahun. Selain daripada keperluan dalam perenggan 23 terpakai, konsep kematangan terpakai dalam mengenal pasti sama ada amaun boleh pulih aset perlu dianggarkan. Sebagai contoh, jika kiraan terdahulu menunjukkan bahawa amaun boleh pulih aset lebih besar dan signifikan daripada amaun bawaannya, entiti tidak perlu menganggarkan semula amaun boleh pulih aset jika tiada peristiwa berlaku yang akan menghapuskan perbezaan tersebut. Begitu juga, analisis terdahulu mungkin menunjukkan bahawa amaun boleh pulih aset tidak sensitif terhadap satu (atau lebih) petunjuk yang disenaraikan dalam perenggan 25.
29. Sebagai ilustrasi bagi perenggan 28, jika kadar faedah pasaran atau kadar pulangan pelaburan pasaran yang lain telah meningkat semasa tempoh tersebut, entiti tidak perlu membuat anggaran formal bagi amaun boleh pulih aset dalam kes berikut:

- (a) Jika kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai sedang digunakan bagi aset tidak mungkin terjejas kesan daripada peningkatan dalam kadar pasaran ini. Sebagai contoh, peningkatan dalam kadar faedah jangka pendek mungkin tidak memberikan kesan material terhadap kadar diskaun yang digunakan untuk aset yang mempunyai baki usia guna yang panjang.
 - (b) Jika kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai sedang digunakan bagi aset mungkin terjejas akibat peningkatan dalam kadar pasaran ini, tetapi analisis sensitiviti terdahulu yang dijalankan terhadap amaun boleh pulih menunjukkan bahawa:
 - (i) Tidak mungkin terdapat pengurangan material dalam amaun boleh pulih kerana aliran tunai masa hadapan juga mungkin meningkat (contohnya, dalam sesetengah kes, entiti mungkin dapat menunjukkan bahawa ia melaraskan hasilnya (terutamanya hasil pertukaran) untuk mengimbangi sebarang peningkatan dalam kadar pasaran); atau
 - (ii) Pengurangan dalam amaun boleh pulih tidak mungkin mengakibatkan kerugian penjejasan nilai yang material.
30. Jika terdapat petunjuk bahawa aset mungkin terjejas, ini mungkin menunjukkan bahawa baki usia guna, kaedah susut nilai (pelunasan) atau nilai sisa aset perlu dikaji semula dan dilaraskan menurut Piawaian yang terpakai untuk aset, walaupun tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset.

Mengukur Amaun Boleh Pulih

31. Piawaian ini mentakrifkan “amaun boleh pulih” sebagai amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan. Perenggan 32-70 menyatakan keperluan bagi mengukur amaun boleh pulih. Keperluan ini menggunakan istilah “aset”, tetapi terpakai untuk aset individu atau unit menjana tunai.
32. Penentuan nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan tidak selalunya diperlukan. Jika salah satu amaun ini melebihi amaun bawaan aset, aset tidak terjejas dan amaun yang satu lagi tidak perlu dianggarkan.
33. Nilai saksama tolak kos untuk menjual mungkin dapat ditentukan, walaupun aset tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif. Walau bagaimanapun, adakalanya, nilai saksama tolak kos untuk menjual tidak dapat ditentukan kerana tiada asas untuk membuat anggaran yang pasti bagi amaun yang diperolehi daripada penjualan aset dalam urus niaga tulus antara pihak yang berpengetahuan dan bersedia. Dalam hal ini, entiti boleh menggunakan nilai sedang digunakan bagi aset sebagai amaun boleh pulihnya.
34. Jika tiada sebab untuk mempercayai bahawa nilai sedang digunakan bagi aset melebihi secara material, nilai saksamanya tolak kos untuk menjual, nilai saksama aset tolak kos untuk menjual boleh digunakan sebagai amaun boleh pulihnya. Kes ini kerap berlaku bagi aset yang dipegang untuk pelupusan. Ini disebabkan nilai sedang digunakan bagi aset yang dipegang untuk pelupusan terdiri daripada, terutamanya, terimaan bersih pelupusan kerana aliran tunai masa hadapan daripada penggunaan aset secara berterusan sehingga pelupusannya mungkin

boleh diabaikan.

35. Amaun boleh pulih ditentukan bagi setiap satu aset, melainkan aset tersebut tidak menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung dari aset atau kumpulan aset yang lain. Jika kesnya begitu, amaun boleh pulih ditentukan bagi unit menjana tunai yang memiliki aset tersebut (rujuk perenggan 85-90), melainkan sama ada:
- (a) Nilai saksama aset tolak kos untuk menjual adalah lebih tinggi daripada amaun bawaannya; atau
 - (b) Aset tersebut merupakan sebahagian daripada unit menjana tunai, tetapi berupaya menjana aliran tunai secara berasingan, dalam kes, nilai sedang digunakan bagi aset boleh dianggarkan hampir dengan nilai saksamanya tolak kos untuk menjual dan nilai saksama aset tolak kos untuk menjual boleh ditentukan.
36. Dalam sesetengah kes, anggaran, purata dan jalan pintas pengiraan boleh memberikan anggaran yang munasabah bagi pengiraan terperinci untuk menentukan nilai saksama tolak kos untuk menjual atau nilai sedang digunakan.

Mengukur Amaun Boleh Pulih bagi Aset Tak Ketara dengan Usia Guna yang Tidak Dapat Ditentukan

37. Perenggan 23 menghendaki supaya aset tak ketara dengan usia guna yang tidak dapat ditentukan diuji untuk penjejasan nilai pada setiap tahun dengan membandingkan amaun bawaannya dengan amaun boleh pulihnya, tanpa mengira sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa ia mungkin terjejas. Walau bagaimanapun, pengiraan terperinci paling terkini bagi amaun boleh pulih aset tersebut, yang dibuat dalam tempoh sebelumnya, boleh digunakan dalam ujian penjejasan nilai untuk aset tersebut dalam tempoh semasa, dengan syarat semua kriteria berikut dipenuhi:
- (a) Jika aset tak ketara tersebut tidak menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung dari aset atau kumpulan aset yang lain dan oleh itu diuji untuk penjejasan nilai, sebagai bahagian daripada unit menjana tunai yang dimilikinya, aset dan liabiliti yang membentuk unit tersebut belum berubah dengan signifikan sejak pengiraan terkini bagi amaun boleh pulih;
 - (b) Pengiraan paling terkini amaun boleh pulih yang menyebabkan amaun yang besar, melebihi amaun bawaan aset; dan
 - (c) Berdasarkan analisis tentang peristiwa yang telah berlaku dan keadaan yang telah berubah sejak pengiraan paling terkini bagi amaun boleh pulih, kemungkinan bahawa amaun boleh pulih semasa yang ditentukan adalah kurang daripada amaun bawaan aset adalah tipis.

Nilai Saksama Tolak Kos Untuk Menjual

38. Bukti terbaik bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual ialah harga dalam perjanjian jualan yang mengikat dalam urus niaga tulus, yang dilaraskan untuk kos tambahan yang dapat dianggap berpunca secara langsung daripada pelupusan aset.
39. Jika tiada perjanjian jualan yang mengikat, tetapi aset didagangkan dalam pasaran yang aktif, nilai saksama tolak kos untuk menjual ialah harga pasaran aset tolak kos pelupusan. Biasanya, harga pasaran yang sesuai adalah biasanya harga bidaan semasa. Apabila harga bidaan semasa tiada, harga urus niaga paling terkini boleh menyediakan asas untuk menganggarkan nilai saksama tolak kos untuk menjual, dengan syarat tiada perubahan yang signifikan dalam keadaan ekonomi antara tarikh urus niaga dan tarikh anggaran dibuat.
40. Jika tiada perjanjian jualan yang mengikat atau pasaran yang aktif bagi sesuatu aset, nilai saksama tolak kos untuk menjual adalah berdasarkan maklumat terbaik yang ada yang menggambarkan amaun yang boleh diperolehi entiti, pada tarikh pelaporan, daripada pelupusan aset dalam urus niaga tulus antara pihak yang berpengetahuan dan bersedia, selepas menolak kos pelupusan. Dalam menentukan amaun ini, entiti mempertimbangkan hasil urus niaga paling terkini bagi aset yang serupa dalam industri yang sama. Nilai saksama tolak kos untuk menjual tidak menggambarkan jualan paksa.
41. Kos pelupusan, selain kos pelupusan yang telah diiktiraf sebagai liabiliti, ditolak dalam menentukan nilai saksama tolak kos untuk menjual. Contoh kos tersebut ialah kos guaman, duti setem dan cukai urus niaga yang serupa, kos mengalihkan aset, dan kos tambahan langsung bagi mengembalikan keadaan aset kepada keadaan ia boleh dijual. Walau bagaimanapun, manfaat penamatan dan kos yang berkait dengan pengurangan atau penyusunan semula perniagaan berikutan daripada pelupusan sesuatu aset bukan merupakan kos tambahan langsung untuk melupuskan aset tersebut.
42. Kadangkala, pelupusan aset memerlukan pembeli mengambil alih liabiliti, dan hanya satu nilai saksama tolak kos untuk menjual diberikan bagi aset dan liabiliti tersebut. Perenggan 89 menjelaskan cara menangani kes tersebut.

Nilai Sedang Digunakan

43. **Elemen berikut hendaklah diambil kira dalam pengiraan nilai sedang digunakan bagi aset:**
 - (a) **Anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan diperolehi oleh entiti daripada aset tersebut;**
 - (b) **Jangkaan tentang variasi yang mungkin dalam amaun atau tempoh aliran tunai masa hadapan;**
 - (c) **Nilai masa wang, yang diwakili oleh kadar faedah bebas risiko pasaran semasa;**
 - (d) **Harga bagi menanggung ketidakpastian yang wujud dalam aset tersebut; dan**

- (e) **Faktor lain, seperti ketakcairan, akan mempengaruhi peserta pasaran dalam penetapan harga aliran tunai masa hadapan yang dijangka boleh diperolehi oleh entiti daripada aset tersebut.**
44. Penganggaran nilai sedang digunakan bagi aset melibatkan langkah berikut:
- (a) Menganggarkan aliran masuk dan keluar tunai masa hadapan yang boleh diperolehi daripada penggunaan aset tersebut secara berterusan dan sehingga ia dilupuskan; dan
 - (b) Menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk aliran tunai masa hadapan.
45. Elemen yang dikenal pasti dalam perenggan 43(b), (d) dan (e) boleh menyebabkan pelarasan kepada aliran tunai masa hadapan atau pelarasan kepada kadar diskaun. Apa saja pendekatan yang diterima pakai oleh entiti bagi menggambarkan jangkaan tentang variasi yang mungkin dalam amaun atau tempoh aliran tunai masa hadapan, hasilnya hendaklah menggambarkan nilai kini aliran tunai masa hadapan tersebut yang dijangka, iaitu purata wajaran semua hasil yang mungkin diperolehi. Panduan Aplikasi memberikan panduan tambahan tentang penggunaan teknik nilai kini dalam mengukur nilai sedang digunakan bagi aset.

Asas untuk Anggaran Aliran Tunai Masa Hadapan

46. **Dalam mengukur nilai sedang digunakan, entiti hendaklah:**
- (a) **Mengunjurkan aliran tunai pada andaian yang munasabah dan dapat disokong sebagai asas yang dapat mewakili anggaran terbaik pihak pengurusan bagi pelbagai keadaan ekonomi yang akan wujud sepanjang baki usia guna aset tersebut. Wajaran yang lebih besar hendaklah diberikan kepada bukti luar;**
 - (b) **Mengunjurkan aliran tunai pada bajet/ramalan kewangan paling terkini yang diluluskan oleh pihak pengurusan sebagai asas tetapi tidak termasuk sebarang anggaran aliran masuk atau aliran keluar tunai masa hadapan yang dijangka akan timbul daripada penstrukturan semula masa hadapan, atau penambahbaikan atau peningkatan prestasi aset tersebut. Unjuran yang berdasarkan bajet/ramalan ini hendaklah meliputi tempoh maksimum lima tahun, melainkan tempoh yang lebih panjang dapat dijustifikasikan; dan**
 - (c) **Menganggarkan unjuran aliran tunai melebihi tempoh yang diliputi oleh bajet /ramalan terkini dengan mengekstrapolasi unjuran tersebut berdasarkan bajet/ramalan tersebut menggunakan kadar pertumbuhan yang stabil atau menurun bagi tahun-tahun berikutnya, melainkan peningkatan kadar dapat dijustifikasikan. Kadar pertumbuhan ini tidak boleh melebihi kadar pertumbuhan purata jangka panjang bagi produk, industri, atau negara atau negara-negara di mana entiti beroperasi, atau pasaran di mana aset tersebut digunakan, melainkan kadar yang lebih tinggi dapat dijustifikasikan.**

47. Pihak pengurusan menilai kemunasabahan asas andaian yang digunakan dalam membuat unjuran aliran tunai semasanya dengan meneliti sebab perbezaan antara unjuran aliran tunai yang lalu dengan aliran tunai sebenar. Pihak pengurusan hendaklah memastikan asas andaian yang digunakan dalam membuat unjuran aliran tunai semasanya adalah konsisten dengan hasil sebenar yang lalu, dengan syarat bahawa tidak wujud kesan daripada keadaan atau peristiwa berikutnya semasa aliran tunai sebenar tersebut dijana menjadikan perkara ini wajar.
48. Secara amnya, bajet/ramalan kewangan bagi aliran tunai masa hadapan yang terperinci, jelas dan boleh dipercayai, untuk tempoh melebihi lima tahun tiada disediakan. Atas sebab ini, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dibuat oleh pihak pengurusan adalah berdasarkan bajet/ramalan paling terkini untuk maksimum lima tahun. Pihak pengurusan boleh menggunakan unjuran aliran tunai yang berdasarkan bajet /ramalan kewangan selama lebih daripada lima tahun jika ia yakin bahawa unjuran ini boleh dipercayai, dan ia boleh menunjukkan keupayaannya, berdasarkan pengalaman lalu, untuk meramalkan aliran tunai dengan tepat dalam tempoh yang lebih panjang tersebut.
49. Unjuran aliran tunai sehingga akhir usia guna aset dianggarkan dengan mengekstrapolasi unjuran aliran tunai menggunakan kadar pertumbuhan bagi tahun-tahun berikutnya berdasarkan bajet /ramalan kewangan. Kadar ini stabil atau menurun, melainkan peningkatan dalam kadar ini selaras dengan objektif maklumat pola kitaran usia guna produk atau industri. Jika sesuai, kadar pertumbuhan ini adalah sifar atau negatif.
50. Apabila keadaan baik, pesaing mungkin memasuki pasaran dan menyekat pertumbuhan. Oleh itu, entiti akan menghadapi kesukaran dalam melangkaui sejarah purata kadar pertumbuhan untuk jangka masa yang panjang (contohnya, dua puluh tahun) bagi produk, industri, atau negara atau negara-negara di mana entiti beroperasi, atau pasaran di mana aset digunakan.
51. Dalam menggunakan maklumat daripada bajet/ramalan kewangan, sesebuah entiti mempertimbangkan sama ada maklumat tersebut menggambarkan andaian yang munasabah dan dapat disokong, dan mewakili anggaran terbaik pihak pengurusan tentang keadaan ekonomi yang akan wujud sepanjang baki usia guna aset.

Komposisi Anggaran Aliran Tunai Masa Hadapan

52. **Anggaran aliran tunai masa hadapan hendaklah termasuk:**
- (a) **Unjuran aliran masuk tunai daripada penggunaan aset secara berterusan;**
 - (b) **Unjuran aliran keluar tunai yang perlu ditanggung bagi menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan aset secara berterusan (termasuk aliran keluar tunai bagi mempersiapkan aset untuk penggunaan) dan dapat dikaitkan secara langsung, atau diperuntukkan secara munasabah dan konsisten kepada, aset; dan**
 - (c) **Aliran tunai bersih, jika ada, yang akan diterima (atau dibayar) untuk pelupusan aset pada akhir usia gunanya.**

53. Anggaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun menggambarkan andaian yang konsisten tentang peningkatan harga yang disebabkan daripada inflasi umum. Oleh itu, jika kadar diskaun termasuk kesan kenaikan harga yang disebabkan daripada inflasi umum, aliran tunai masa hadapan dianggarkan dalam istilah nominal. Jika kadar diskaun tidak termasuk kesan kenaikan harga yang disebabkan daripada inflasi umum, aliran tunai masa hadapan dianggarkan dalam istilah sebenar (tetapi termasuk kenaikan atau penurunan harga masa hadapan tertentu).
54. Unjuran aliran keluar tunai termasuk penyelenggaraan harian aset dan overhed masa hadapan yang dikaitkan secara langsung, atau diperuntukkan secara asas yang munasabah dan konsisten, kepada penggunaan aset.
55. Apabila amaun bawaan aset belum lagi termasuk semua aliran keluar tunai yang akan ditanggung sebelum ia sedia untuk digunakan atau dijual, anggaran aliran keluar tunai masa hadapan termasuk anggaran sebarang aliran keluar tunai selanjutnya yang dijangka akan ditanggung sebelum aset tersebut sedia untuk digunakan atau dijual. Sebagai contoh, ini adalah kes bagi bangunan yang sedang dibina atau projek pembangunan yang belum lagi siap.
56. Bagi mengelakkan kiraan dua kali, anggaran aliran tunai masa hadapan tidak termasuk:
- (a) Aliran masuk tunai daripada aset yang menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai daripada aset yang sedang dikaji semula (contohnya, aset kewangan seperti belum terima); dan
 - (b) Aliran keluar tunai yang berkait dengan obligasi yang telah diiktiraf sebagai liabiliti (contohnya, belum bayar, pencen atau peruntukan).
57. **Aliran tunai masa hadapan hendaklah dianggarkan dalam keadaan semasa aset. Anggaran aliran tunai masa hadapan tidak termasuk anggaran aliran masuk atau aliran keluar tunai masa hadapan yang dijangka akan timbul daripada:**
- (a) **Penstrukturan semula pada masa hadapan yang entiti belum lagi komited; atau**
 - (b) **Penambahbaikan atau peningkatan prestasi aset.**
58. Memandangkan aliran tunai masa hadapan dianggarkan dalam keadaan semasa aset, nilai sedang digunakan tidak menggambarkan:
- (a) Penjimatan aliran keluar tunai masa hadapan atau kos yang berkaitan (contohnya, pengurangan dalam kos kakitangan) atau manfaat yang dijangka akan timbul daripada penstrukturan semula pada masa hadapan yang entiti belum lagi komited; atau
 - (b) Aliran keluar tunai masa hadapan yang akan menambah baik atau meningkatkan prestasi aset atau aliran masuk tunai berkaitan yang dijangka akan timbul daripada aliran keluar tersebut.

59. Penstrukturan semula ialah program yang:
- (a) dirancang dan dikawal oleh pengurusan, dan
 - (b) perubahan yang material sama ada skop aktiviti entiti atau cara aktiviti tersebut dijalankan.

MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*, mengandungi panduan yang menjelaskan bila entiti komited terhadap penstrukturan semula.

60. Apabila entiti menjadi komited terhadap penstrukturan semula, sesetengah aset mungkin terkesan daripada penstrukturan semula ini. Pada masa entiti komited terhadap penstrukturan semula ini:

- (a) Anggarannya bagi aliran masuk tunai masa hadapan dan aliran keluar tunai bagi tujuan menentukan nilai sedang digunakan menggambarkan penjimatan kos dan manfaat lain daripada penstrukturan semula ini (berdasarkan bajet/ramalan kewangan paling terkini yang diluluskan oleh pihak pengurusan); dan
- (b) Anggarannya bagi aliran keluar tunai masa hadapan untuk penstrukturan semula ini dimasukkan dalam peruntukan penstrukturan semula menurut MPSAS 19.

61. Sehingga entiti menanggung aliran keluar tunai yang menambah baik atau meningkatkan prestasi aset, anggaran aliran tunai masa hadapan tidak termasuk anggaran aliran masuk tunai masa hadapan yang dijangka timbul daripada peningkatan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan jangkaan aliran keluar tunai.

62. Anggaran aliran tunai masa hadapan termasuk aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan untuk mengekalkan tahap manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang dijangka timbul daripada aset dalam keadaannya sekarang. Apabila satu unit terdiri daripada aset yang mempunyai anggaran usia guna yang berbeza, yang kesemuanya penting bagi memastikan unit tersebut terus beroperasi, penggantian aset yang mempunyai usia guna yang lebih pendek dianggap sebagai sebahagian daripada penyelenggaraan harian unit tersebut apabila menganggarkan aliran tunai masa hadapan yang berkait dengan unit itu. Begitu juga, apabila satu aset tunggal terdiri daripada komponen yang mempunyai anggaran usia guna yang berbeza, penggantian komponen yang mempunyai usia guna yang lebih pendek dianggap sebagai sebahagian daripada penyelenggaraan harian aset tersebut apabila menganggarkan aliran tunai masa hadapan yang dijana oleh aset tersebut.

63. **Anggaran aliran tunai masa hadapan hendaklah tidak termasuk:**

- (a) **Aliran masuk atau aliran keluar tunai daripada aktiviti pembiayaan; atau**
- (b) **Penerimaan atau pembayaran cukai pendapatan.**

64. Anggaran aliran tunai masa hadapan menggambarkan andaian yang konsisten dengan cara kadar diskaun ditentukan. Jika tidak, kesan sesetengah andaian akan dikira dua kali atau diabaikan. Oleh sebab nilai masa wang diambil kira dengan tidak mengambil kira anggaran

aliran tunai masa hadapan, aliran tunai ini tidak termasuk aliran masuk atau keluar tunai daripada aktiviti pembiayaan. Begitu juga, memandangkan kadar diskaun ditentukan sebelum cukai, aliran tunai masa hadapan juga ditentukan sebelum cukai.

65. **Anggaran aliran tunai bersih yang akan diterima (atau dibayar) untuk pelupusan aset pada akhir usia gunanya hendaklah merupakan amaun yang dijangka akan diperolehi oleh entiti daripada pelupusan aset tersebut dalam urus niaga tulus antara pihak yang berpengetahuan dan bersedia, selepas menolak anggaran kos pelupusan.**
66. Anggaran aliran tunai bersih yang akan diterima (atau dibayar) untuk pelupusan aset pada akhir usia gunanya ditentukan dengan cara yang serupa seperti penentuan nilai saksama sesuatu aset tolak kos untuk menjual, kecuai, dalam menganggarkan aliran tunai bersih tersebut:
- (a) Entiti menggunakan harga semasa pada tarikh anggaran dibuat bagi aset yang serupa, yang telah sampai di penghujung usia gunanya dan telah beroperasi dalam keadaan yang serupa dengan keadaan aset tersebut akan digunakan; dan
 - (b) Entiti melaraskan harga tersebut bagi kesan kenaikan harga masa hadapan yang disebabkan oleh inflasi umum dan kenaikan atau penurunan harga tertentu pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, jika anggaran aliran tunai masa hadapan daripada penggunaan aset secara berterusan dan kadar diskaun tidak mengambil kira kesan inflasi umum, entiti juga tidak mengambil kira kesan ini dalam anggaran aliran tunai bersih atas pelupusan.

Aliran Tunai Masa Hadapan Mata Wang Asing

67. Aliran tunai masa hadapan dianggarkan dalam mata wang ia akan dijana, dan kemudiannya didiskaunkan menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk mata wang tersebut. Entiti menterjemahkan nilai kini menggunakan kadar tukaran wang semerta pada tarikh pengiraan nilai sedang digunakan.

Kadar Diskaun

68. **Kadar diskaun sepatutnya merupakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa tentang:**
- (a) **Nilai masa wang, yang diwakili oleh kadar faedah bebas risiko semasa; dan**
 - (b) **Risiko yang khusus kepada aset anggaran aliran tunai masa hadapan belum dilaraskan.**
69. Kadar yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko yang khususnya kepada aset tersebut merupakan pulangan yang diperlukan oleh pelabur jika mereka memilih pelaburan yang akan menjana aliran tunai yang amaun, tempoh dan profil risikonya sama dengan jangkaan yang akan diperolehi entiti daripada aset tersebut. Kadar ini dianggarkan daripada kadar yang tersirat dalam urus niaga pasaran semasa bagi aset yang serupa. Walau bagaimanapun, kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur nilai sedang

digunakan bagi aset tidak menggambarkan risiko yang anggaran aliran tunai masa hadapan telah dilaraskan. Jika tidak, kesan sesetengah andaian akan dikira dua kali.

70. Apabila kadar khusus aset tertentu tidak dapat diperolehi secara langsung daripada pasaran, entiti menggunakan pengganti untuk menganggarkan kadar diskaun. Panduan Aplikasi memberikan panduan tambahan tentang penganggaran kadar diskaun dalam keadaan tersebut.

Mengiktiraf dan Mengukur Kerugian Penjejasan Nilai Setiap Satu Aset

71. Perenggan 72-75 menyatakan keperluan bagi mengiktiraf dan mengukur kerugian penjejasan nilai bagi setiap satu aset. Pengiktirafan dan pengukuran kerugian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai dibincangkan dalam perenggan 76-97.
72. **Jika, dan hanya jika, amaun boleh pulih aset kurang daripada amaun bawaannya, amaun bawaan aset hendaklah dikurangkan kepada amaun boleh pulihnya. Pengurangan tersebut merupakan kerugian penjejasan nilai.**
73. **Kerugian penjejasan nilai hendaklah diiktiraf serta-merta dalam lebih atau kurangan.**
74. **Apabila amaun yang dianggarkan bagi kerugian penjejasan nilai lebih besar daripada amaun bawaan aset yang berkait dengannya, entiti hendaklah mengiktiraf liabiliti jika, dan hanya jika, pengiktirafan tersebut dikehendaki oleh Piawaian lain.**
75. **Selepas kerugian penjejasan nilai diiktiraf, caj susut nilai (pelunasan) bagi aset hendaklah dilaraskan pada masa hadapan bagi memperuntukkan amaun bawaan aset yang disemak semula, tolak nilai sisanya (jika ada), secara sistematik sepanjang baki usia gunanya.**

Unit Menjana Tunai

76. Perenggan 77-97 menyatakan keperluan bagi mengenal pasti unit menjana tunai bagi aset yang dimiliki dan menentukan amaun bawaan, serta mengiktiraf kerugian penjejasan nilai bagi, unit menjana tunai.

Mengenal Pasti Unit Menjana Tunai pada Sesuatu Aset

77. **Jika terdapat sebarang petunjuk bahawa aset mungkin terjejas, amaun boleh pulih hendaklah dianggarkan bagi setiap satu aset tersebut. Jika amaun boleh pulih bagi setiap satu aset tersebut tidak dapat dianggarkan, entiti hendaklah menentukan amaun boleh pulih unit menjana tunai pada sesuatu aset tersebut (unit menjana tunai aset tersebut).**
78. Amaun boleh pulih bagi setiap satu aset tidak dapat ditentukan jika:
- (a) Nilai sedang digunakan bagi aset tersebut tidak dapat dianggarkan hampir dengan nilai saksamanya tolak kos untuk menjual (contohnya, apabila anggaran aliran tunai masa hadapan daripada penggunaan aset tersebut secara berterusan tidak boleh diabaikan);

dan

- (b) Aset tersebut tidak menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung dari aset lain dan tidak berupaya menjana aliran tunai secara berasingan.

Dalam kes tersebut, nilai sedang digunakan tidak terpakai, oleh itu, amaun boleh pulih, hanya dapat ditentukan bagi unit menjana tunai aset tersebut.

79. Seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 13, unit menjana tunai aset ialah kumpulan aset yang paling kecil yang:

- (a) termasuk aset tersebut, dan
- (b) menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung dari aset atau kumpulan aset yang lain.

Pengenalpastian unit menjana tunai aset melibatkan pertimbangan. Jika amaun boleh pulih tidak dapat ditentukan bagi setiap satu aset, entiti mengenal pasti pengagregatan aset yang paling rendah, yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada penjana aliran masuk tunai daripada aset tersebut.

80. Aliran masuk tunai ialah aliran masuk tunai dan kesetaraan tunai yang diterima daripada pihak luar daripada entiti. Dalam mengenal pasti sama ada aliran masuk tunai daripada aset (atau kumpulan aset) adalah sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aliran masuk tunai daripada aset (atau kumpulan aset) yang lain, entiti mengambil kira pelbagai faktor, termasuk bagaimana pengurusan:

- (a) memantau operasi entiti (seperti mengikut barisan produk, perniagaan, lokasi, daerah, atau kawasan serantau), atau
- (b) membuat keputusan mengenai meneruskan atau melupuskan aset dan operasi entiti.

Panduan Pelaksanaan memberikan contoh pengenalpastian unit menjana tunai.

81. **Jika pasaran yang aktif wujud untuk output yang dihasilkan oleh aset atau kumpulan aset, aset atau kumpulan aset tersebut hendaklah dikenal pasti sebagai unit menjana tunai, walaupun sesetengah atau kesemua output tersebut digunakan secara dalaman. Jika aliran masuk tunai yang dijana oleh mana-mana aset atau unit menjana tunai terkesan akibat pindahan harga dalaman, entiti hendaklah menggunakan anggaran terbaik pihak pengurusan bagi harga masa hadapan yang boleh dicapai dalam keadaan urus niaga tulus dengan menganggarkan:**

- (a) **Aliran masuk tunai masa hadapan yang digunakan untuk menentukan nilai sedang digunakan bagi aset atau unit menjana tunai aset tersebut; dan**
- (b) **Aliran keluar tunai masa hadapan yang digunakan untuk menentukan nilai sedang digunakan mana-mana aset atau unit menjana tunai yang lain yang terkesan akibat pindahan harga dalaman tersebut.**

82. Walaupun sebahagian daripada atau kesemua output yang dihasilkan oleh aset atau sekumpulan aset digunakan oleh unit lain dalam entiti (contohnya, produk pada peringkat pertengahan dalam proses pengeluaran), aset atau kumpulan aset ini membentuk unit menjana tunai yang berasingan jika entiti boleh menjual output tersebut dalam pasaran yang aktif. Ini kerana aset atau kumpulan aset ini boleh menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai daripada aset atau kumpulan aset yang lain. Penggunaan maklumat yang berdasarkan bajet/ramalan kewangan yang berkait dengan unit menjana tunai tersebut, atau mana-mana aset atau unit menjana tunai yang lain yang terkesan akibat pindahan harga dalaman, entiti melaraskan maklumat ini jika harga pindahan dalaman tidak —menggambarkan anggaran terbaik pihak pengurusan bagi harga masa hadapan yang boleh dicapai dalam urus niaga tulus.
83. **Unit menjana tunai hendaklah dikenal pasti secara konsisten dari tempoh ke tempoh bagi aset atau jenis aset yang sama, melainkan perubahan tersebut mempunyai justifikasi.**
84. Jika entiti menentukan bahawa aset dimiliki oleh unit menjana tunai yang berbeza daripada unit menjana tunai dalam tempoh terdahulu, atau jenis aset yang diagregatkan bagi unit menjana tunai aset tersebut telah berubah, perenggan 120 menghendaki supaya pendedahan tentang unit menjana tunai aset dibuat jika kerugian penjejasan nilai diiktiraf atau ditimbal balik bagi unit menjana tunai aset tersebut.

Amaun Boleh Pulih dan Amaun Bawaan Unit Menjana Tunai

85. Amaun boleh pulih unit menjana tunai ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan menentukan amaun boleh pulih unit menjana tunai, sebarang rujukan kepada aset dalam perenggan 31-70 dibaca sebagai rujukan kepada unit menjana tunai.
86. **Amaun bawaan unit menjana tunai hendaklah ditentukan pada asas yang konsisten dengan cara amaun boleh pulih unit menjana tunai tersebut ditentukan.**
87. Amaun bawaan unit menjana tunai:
- (a) Termasuk amaun bawaan aset yang hanya dapat dikaitkan secara langsung, atau diperuntukkan pada asas yang munasabah dan konsisten, kepada unit penjanaan tunai tersebut dan akan menjana aliran masuk tunai masa hadapan yang digunakan dalam menentukan nilai sedang digunakan unit menjana tunai tersebut; dan
 - (b) Tidak termasuk amaun bawaan bagi sebarang liabiliti yang diiktiraf, melainkan amaun boleh pulih unit menjana tunai tersebut tidak dapat ditentukan tanpa mengambil kira liabiliti ini.

Ini kerana nilai saksama tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan unit menjana tunai ditentukan tanpa mengambil kira aliran tunai yang berkait dengan aset yang bukan merupakan sebahagian daripada unit menjana tunai tersebut dan liabiliti yang telah diiktiraf (rujuk perenggan 41 dan 56).

88. Apabila aset dikelompokkan untuk penaksiran kebolehpulihan, adalah penting untuk memasukkan dalam unit menjana tunai tersebut semua aset yang menjana, atau digunakan untuk menjana, aliran masuk tunai yang relevan. Jika tidak, unit penjanaan tunai tersebut mungkin kelihatan seperti boleh pulih sepenuhnya sedangkan hakikatnya, kerugian penjejasan nilai telah berlaku. Ilustratif Pokok Keputusan memberikan gambar rajah aliran yang menunjukkan pengolahan setiap satu aset yang merupakan sebahagian daripada unit menjana tunai.
89. Seseengah liabiliti yang diiktiraf mungkin perlu diambil kira bagi menentukan amaun boleh pulih unit penjanaan tunai. Ini mungkin berlaku jika pelupusan unit menjana tunai memerlukan pembeli menanggung liabiliti tersebut. Dalam hal ini, nilai saksama tolak kos untuk menjual (atau anggaran aliran tunai yang akhirnya akan dilupuskan) unit menjana tunai tersebut ialah anggaran harga jualan bagi aset unit penjanaan tunai tersebut berserta liabiliti tersebut, tolak kos pelupusan. Bagi membuat perbandingan yang bermakna antara amaun bawaan unit menjana tunai tersebut dengan amaun boleh pulihnya, amaun bawaan liabiliti tersebut ditolak dalam menentukan nilai sedang digunakan unit penjanaan tunai tersebut dan amaun bawaannya.
90. Atas sebab praktikal, amaun boleh pulih unit menjana tunai ada kalanya ditentukan setelah mengambil kira:
- (a) aset yang bukan merupakan sebahagian daripada unit menjana tunai tersebut (contohnya, belum terima atau aset kewangan yang lain), atau
 - (b) liabiliti yang telah diiktiraf (contohnya, belum bayar, pencen dan peruntukan lain).

Dalam kes tersebut, amaun bawaan unit menjana tunai tersebut ditingkatkan oleh amaun bawaan aset tersebut dan dikurangkan oleh amaun bawaan liabiliti tersebut.

Kerugian Penjejasan Nilai bagi Unit Menjana Tunai

91. **Kerugian penjejasan nilai hendaklah diiktiraf bagi unit menjana tunai jika, dan hanya jika, amaun boleh pulih unit tersebut kurang daripada amaun bawaan unit tersebut. Kerugian penjejasan nilai tersebut hendaklah diperuntukkan bagi mengurangkan amaun bawaan aset menjana tunai dari unit menjana tunai tersebut secara pro rata, berdasarkan amaun bawaan setiap aset dalam unit tersebut. Pengurangan dalam amaun bawaan ini hendaklah dianggap sebagai kerugian penjejasan nilai atas setiap satu aset dan diiktiraf menurut perenggan 73.**
92. **Dalam memperuntukkan kerugian penjejasan nilai menurut perenggan 91, sesebuah entiti tidak boleh mengurangkan amaun bawaan aset lebih bawah daripada yang lebih tinggi antara:**
- (a) **Nilai saksama tolak kos untuk menjual (jika dapat ditentukan);**
 - (b) **Nilai sedang digunakan bagi aset (jika dapat ditentukan); dan**
 - (c) **Sifar.**

Amaun kerugian penjejasan nilai yang sebaliknya, telah diperuntukkan kepada aset tersebut hendaklah diperuntukkan secara pro rata kepada aset menjana tunai yang lain dalam unit tersebut.

93. **Jika aset tidak menjana tunai menyumbang kepada unit menjana tunai, sebahagian amaun bawaan aset tidak menjana tunai tersebut hendaklah diperuntukkan kepada amaun bawaan unit menjana tunai tersebut sebelum amaun boleh pulih unit menjana tunai tersebut dianggarkan. Amaun bawaan aset tidak menjana tunai tersebut hendaklah menggambarkan sebarang kerugian penjejasan nilai pada tarikh pelaporan yang telah ditentukan di bawah keperluan MPSAS 21.**
94. Jika amaun boleh pulih aset individu tidak dapat ditentukan (rujuk perenggan 78):
- (a) Kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut jika amaun bawaannya lebih besar daripada yang mana lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos untuk menjual dan keputusan daripada prosedur peruntukan yang diterangkan dalam perenggan 91-93; dan
 - (b) Tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut jika unit menjana tunai yang berkaitan tidak terjejas. Ini terpakai walaupun nilai saksama tolak kos untuk menjual aset tersebut kurang daripada amaun bawaannya.
95. Dalam sesetengah kes, aset tidak menjana tunai menyumbang kepada unit menjana tunai. Piawaian ini menghendaki supaya, jika unit menjana tunai yang tertakluk kepada ujian penjejasan nilai mengandungi aset tidak menjana tunai, aset tidak menjana tunai tersebut diuji untuk penjejasan, menurut keperluan MPSAS 21. Selepas ujian penjejasan nilai tersebut dijalankan, sebahagian amaun bawaan aset tidak menjana tunai tersebut dimasukkan dalam amaun bawaan unit menjana tunai tersebut. Bahagian tersebut menggambarkan setakat mana potensi perkhidmatan aset tidak menjana tunai tersebut menyumbang kepada unit menjana tunai tersebut. Peruntukan sebarang kerugian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai tersebut kemudiannya dibuat secara pro rata kepada semua aset menjana tunai dalam unit menjana tunai tersebut, tertakluk kepada had dalam perenggan 92. Aset tidak menjana tunai tersebut tidak tertakluk kepada kerugian penjejasan nilai selanjutnya melebihi kerugian penjejasan nilai yang telah ditentukan menurut MPSAS 21.
96. Jika aset menyediakan potensi perkhidmatan kepada satu atau lebih aktiviti yang menjana tunai, tetapi bukan untuk aktiviti yang tidak menjana tunai, entiti boleh merujuk piawaian perakaunan antarabangsa dan negara yang relevan berkaitan keadaan tersebut.
97. **Setelah keperluan dalam perenggan 91-93 diguna pakai, liabiliti hendaklah diiktiraf untuk sebarang baki amaun kerugian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai jika, dan hanya jika, pengiktirafan tersebut dikehendaki oleh piawaian lain.**

Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai

98. Perenggan 99-105 menyatakan keperluan bagi menimbali balik kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf untuk sesuatu aset atau unit menjana tunai dalam tempoh terdahulu. Keperluan ini

menggunakan istilah “sesuatu aset”, tetapi turut terpakai untuk sesuatu aset individu atau unit menjana tunai. Keperluan tambahan bagi sesuatu aset individu dinyatakan dalam perenggan 106-109 dan, bagi unit menjana tunai, dalam perenggan 110 dan 111.

99. **Entiti hendaklah menilai, pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf bagi sesuatu aset dalam tempoh terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurang. Jika mana-mana petunjuk tersebut wujud, entiti hendaklah menganggarkan amaun boleh pulih aset tersebut.**
100. **Dalam menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf bagi sesuatu aset dalam tempoh terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurang, entiti hendaklah mengambil kira, sekurang - kurangnya, tanda berikut:**

Sumber maklumat luar

- (a) **Nilai pasaran aset tersebut telah meningkat dengan signifikan semasa tempoh tersebut;**
- (b) **Perubahan signifikan yang memberikan kesan positif terhadap entiti telah berlaku semasa tempoh tersebut, atau akan berlaku dalam masa terdekat, dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi atau undang-undang yang dalamnya entiti beroperasi, atau dalam pasaran yang aset tersebut dikhususkan;**
- (c) **Kadar faedah pasaran atau kadar pulangan pelaburan pasaran yang lain telah menurun semasa tempoh tersebut, dan penurunan tersebut mungkin menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai sedang digunakan bagi aset tersebut dan meningkatkan secara material amaun boleh pulih aset tersebut;**

Sumber maklumat dalaman

- (d) **Perubahan signifikan yang memberikan kesan positif terhadap entiti telah berlaku semasa tempoh tersebut, atau dijangka akan berlaku dalam masa terdekat, dari segi setakat mana, atau cara, aset tersebut digunakan atau dijangka akan digunakan. Perubahan ini termasuk kos yang ditanggung semasa tempoh itu bagi menambah baik atau meningkatkan prestasi aset tersebut, atau menstrukturkan semula operasi yang memiliki aset tersebut;**
- (dA) **Keputusan untuk menyambung semula pembinaan aset tersebut yang dahulunya dihentikan sebelum ia siap atau dalam keadaan boleh digunakan; dan**
- (e) **Terdapat bukti daripada pelaporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi ekonomi aset tersebut adalah, atau akan menjadi, lebih baik daripada yang dijangka.**

101. Petunjuk potensi pengurangan dalam kerugian penjejasan nilai dalam perenggan 100, menggambarkan petunjuk potensi kerugian penjejasan nilai yang utama dalam perenggan 25.
102. Jika terdapat petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf bagi sesuatu aset mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurang, ini mungkin menunjukkan bahawa:
- (a) baki usia guna,
 - (b) kaedah susut nilai (pelunasan), atau
 - (c) nilai sisa mungkin perlu dikaji semula dan dilaraskan menurut piawaian yang terpakai untuk aset tersebut, walaupun tiada kerugian penjejasan nilai ditimbal balik bagi aset tersebut.
103. **Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf bagi sesuatu aset dalam tempoh terdahulu hendaklah ditimbal balik jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset tersebut sejak kerugian penjejasan nilai terakhir yang diiktiraf. Jika hal ini berlaku, amaun bawaan aset tersebut hendaklah ditingkatkan kepada amaun boleh pulihnya. Peningkatan tersebut merupakan timbal balik kerugian penjejasan nilai.**
104. Timbal balik kerugian penjejasan nilai menggambarkan peningkatan dalam anggaran potensi perkhidmatan sesuatu aset, sama ada daripada penggunaan atau penjualan, sejak tarikh terakhir entiti mengiktiraf kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut. Entiti dikehendaki mengenal pasti perubahan dalam anggaran yang menyebabkan peningkatan dalam anggaran potensi perkhidmatan. Contoh perubahan dalam anggaran termasuk:
- (a) Perubahan dalam asas bagi amaun boleh pulih (iaitu sama ada amaun boleh pulih adalah berasaskan nilai saksama tolak kos untuk menjual atau nilai sedang digunakan);
 - (b) Jika amaun boleh pulih adalah berasaskan nilai sedang digunakan, perubahan dalam amaun atau tempoh anggaran aliran tunai masa hadapan, atau kadar diskaun; atau
 - (c) Jika amaun boleh pulih adalah berasaskan nilai saksama tolak kos untuk menjual, perubahan dalam anggaran komponen nilai saksama tolak kos untuk menjual.
105. Nilai sedang digunakan aset mungkin menjadi lebih besar daripada amaun bawaan aset tersebut hanya kerana nilai kini aliran masuk tunai masa hadapan meningkat apabila ia semakin hampir. Walau bagaimanapun, potensi perkhidmatan aset tersebut tidak meningkat. Oleh itu, kerugian penjejasan nilai tidak ditimbal balik hanya disebabkan peredaran masa (kadang-kala dipanggil perungkaian diskaun), walaupun amaun boleh pulih aset tersebut menjadi lebih besar daripada amaun bawaannya.

Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai bagi Sesuatu Aset Individu

106. **Peningkatan dalam amaun bawaan sesuatu aset yang berpunca daripada timbal balik kerugian penjejasan nilai tidak boleh melebihi amaun bawaan yang mungkin ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf**

bagi aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

107. Sebarang peningkatan dalam amaun bawaan sesuatu aset yang melebihi amaun bawaan yang mungkin ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya merupakan penilaian semula. Dalam perakaunan untuk penilaian semula tersebut, entiti menggunakan pakai piawaian yang terpakai untuk aset tersebut.
108. **Timbal balik kerugian penjejasan nilai bagi sesuatu aset hendaklah diiktiraf serta-merta dalam lebihan atau kurangan.**
109. **Selepas timbal balik kerugian penjejasan nilai diiktiraf, caj susut nilai (pelunasan) bagi aset tersebut hendaklah dilaraskan pada masa hadapan bagi memperuntukkan amaun bawaan aset yang disemak semula, tolak nilai sisanya (jika ada), secara sistematik sepanjang baki usia gunanya.**

Timbal balik Kerugian Penjejasan Nilai bagi Unit Menjana Tunai

110. **Timbal balik kerugian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai hendaklah diperuntukkan kepada aset menjana tunai unit tersebut secara pro rata bersama amaun bawaan aset tersebut. Peningkatan dalam amaun bawaan ini hendaklah dianggap sebagai timbal balik kerugian penjejasan nilai bagi aset individu dan diiktiraf menurut perenggan 110. Tiada amaun timbal balik tersebut boleh diperuntukkan kepada aset tidak menjana tunai yang menyumbang potensi perkhidmatan kepada unit menjana tunai.**
111. **Dalam memperuntukkan timbal balik kerugian penjejasan nilai bagi unit menjana tunai menurut perenggan 110, amaun bawaan aset tidak boleh ditingkatkan melebihi amaun yang lebih rendah antara:**
- (a) **Amaun boleh pulihnya (jika dapat ditentukan); dan**
 - (b) **Amaun bawaan yang mungkin ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tempoh terdahulu.**

Amaun timbal balik kerugian penjejasan nilai yang jika tidak, diperuntukkan kepada aset tersebut hendaklah diperuntukkan secara pro rata kepada aset lain dalam unit tersebut.

Penentuan Semula Aset

112. **Penentuan semula aset, daripada aset menjana tunai kepada aset tidak menjana tunai atau daripada aset tidak menjana tunai kepada aset menjana tunai, hanya boleh berlaku apabila terdapat bukti yang jelas bahawa penentuan semula tersebut wajar dilakukan. Penentuan semula, dengan sendirinya, tidak semestinya mencetuskan ujian penjejasan nilai atau timbal balik kerugian penjejasan nilai. Pada tarikh pelaporan berikutnya**

selepas penentuan semula, entiti hendaklah mengambil kira, sekurang-kurangnya, petunjuk yang disenaraikan dalam perenggan 25.

113. Terdapat keadaan yang entiti sektor awam mungkin memutuskan bahawa adalah wajar untuk menentukan semula aset menjana tunai sebagai aset tidak menjana tunai. Sebagai contoh, loji rawatan efluen dibina terutamanya untuk merawat efluen industri dari kawasan perindustrian pada kadar komersil, dan kapasiti berlebihan telah digunakan untuk merawat efluen dari unit perumahan sosial, yang baginya tiada bayaran dibuat. Kawasan perindustrian tersebut ditutup baru-baru ini dan, pada masa hadapan, tapak tersebut akan dibangunkan untuk tujuan perumahan sosial. Memandangkan kawasan perindustrian tersebut telah ditutup, entiti sektor awam tersebut memutuskan untuk menentukan semula loji rawatan efluen tersebut sebagai aset tidak menjana tunai.

Pendedahan

114. **Entiti hendaklah mendedahkan kriteria yang diwujudkan oleh entiti untuk membezakan aset menjana tunai daripada aset tidak menjana tunai.**
115. **Entiti hendaklah mendedahkan yang berikut bagi setiap kelas aset:**
- (a) **Amaun kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan semasa tempoh tersebut, dan barisan item penyata prestasi kewangan yang termasuk dalamnya kerugian penjejasan nilai tersebut.**
 - (b) **Amaun timbal balik kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan semasa tempoh tersebut, dan barisan item penyata prestasi kewangan kerugian penjejasan nilai ditimbal balik.**
116. Dalam sesetengah kes, mungkin tidak jelas sama ada matlamat utama pegangan aset adalah untuk menjana pulangan komersil. Pertimbangan tersebut diperlukan bagi menentukan sama ada Piawaian ini atau MPSAS 21 harus diguna pakai. Perenggan 114 menghendaki kriteria yang digunakan untuk membezakan aset menjana tunai dan aset tidak menjana tunai didedahkan.
117. Kelas aset ialah sekumpulan aset yang mempunyai jenis atau fungsi yang serupa dalam operasi entiti dan ditunjukkan sebagai satu item bagi tujuan pendedahan dalam penyata kewangan.
118. Maklumat yang dikehendaki dalam perenggan 115 mungkin didedahkan bersama dengan maklumat lain untuk kelas aset tersebut. Sebagai contoh, maklumat ini mungkin dimasukkan dalam penyesuaian amaun bawaan harta tanah, loji dan peralatan pada permulaan dan akhir tempoh tersebut, seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 17.
119. **Entiti yang melaporkan maklumat segmen menurut MPSAS 18, *Pelaporan Segmen*, hendaklah mendedahkan yang berikut bagi setiap segmen yang dilaporkan berdasarkan format pelaporan entiti:**

- (a) **Amaun kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan semasa tempoh tersebut; dan**
 - (b) **Amaun timbal balik kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan semasa tempoh tersebut.**
120. **Entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut bagi setiap kerugian penjejasan nilai material yang diiktiraf atau ditimbal balik semasa tempoh tersebut untuk aset menjana tunai atau unit menjana tunai:**
- (a) **Peristiwa dan keadaan yang membawa kepada pengiktirafan atau timbal balik kerugian penjejasan nilai tersebut;**
 - (b) **Amaun kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf atau ditimbal balik;**
 - (c) **Bagi aset menjana tunai:**
 - (i) **Jenis aset tersebut; dan**
 - (ii) **Jika entiti melaporkan maklumat segmen menurut MPSAS 18, laporan segmen tersebut mengikut pemilikan aset, berdasarkan format pelaporan entiti.**
 - (d) **Bagi unit menjana tunai:**
 - (i) **Penerangan tentang unit menjana tunai tersebut (seperti sama ada ia merupakan barisan produk, loji, operasi perniagaan, kawasan geografi, atau segmen yang dilaporkan);**
 - (ii) **Amaun kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf atau ditimbal balik mengikut kelas aset, dan jika entiti melaporkan maklumat segmen menurut MPSAS 18, mengikut segmen yang dilaporkan berdasarkan format pelaporan entiti; dan**
 - (iii) **Jika pengagregatan aset untuk mengenal pasti unit menjana tunai telah berubah sejak anggaran terdahulu bagi amaun boleh pulih unit menjana tunai tersebut (jika ada), penerangan tentang kaedah semasa dan terdahulu untuk mengagregatkan aset tersebut serta sebab bagi perubahan kaedah unit menjana tunai yang telah dikenal pasti.**
 - (e) **Sama ada amaun boleh pulih aset tersebut ialah nilai saksama tolak kos untuk menjual atau nilai sedang digunakan;**
 - (f) **Jika amaun boleh pulih ialah nilai saksama tolak kos untuk menjual, asas yang digunakan untuk menentukan nilai saksama tolak kos untuk menjual (seperti nilai saksama ditentukan dengan merujuk pasaran yang aktif); dan**
 - (g) **Jika amaun boleh pulih ialah nilai sedang digunakan, kadar diskaun yang digunakan dalam anggaran semasa dan terdahulu (jika ada) bagi nilai sedang**

digunakan.

121. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat berikut untuk agregat kerugian penjejasan nilai dan timbal balik agregat kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf semasa tempoh tersebut, yang maklumatnya tiada didedahkan menurut perenggan 120:**
- (a) **Kelas aset utama yang terkesan akibat kerugian penjejasan nilai dan kelas aset utama yang terkesan akibat menimbal balik kerugian penjejasan nilai; dan**
 - (b) **Peristiwa utama dan keadaan yang membawa kepada pengiktirafan dan timbal balik kerugian penjejasan nilai.**
122. Entiti digalakkan supaya mendedahkan andaian yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, perenggan 123 menghendaki entiti mendedahkan maklumat tentang anggaran yang digunakan untuk mengukur amaun boleh pulih unit menjana tunai apabila aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan dimasukkan dalam amaun bawaan unit tersebut.

Pendedahan Anggaran yang Digunakan untuk Mengukur Amaun Boleh Pulih bagi Unit Menjana Tunai yang Mengandungi Aset Tak Ketara Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan

123. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang dikehendaki oleh (a) hingga (e) untuk setiap unit menjana tunai yang amaun bawaan aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan yang diperuntukkan kepada unit tersebut adalah signifikan berbanding dengan jumlah amaun bawaan entiti bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan:**
- (a) **Amaun bawaan aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan yang diperuntukkan kepada unit tersebut;**
 - (b) **Asas amaun boleh pulih unit tersebut telah ditentukan (iaitu nilai sedang digunakan atau nilai saksama tolak kos untuk menjual);**
 - (c) **Jika amaun boleh pulih unit tersebut berdasarkan nilai sedang digunakan:**
 - (i) **Penerangan tentang setiap andaian utama yang digunakan oleh pihak pengurusan sebagai asas unjuran aliran tunainya bagi tempoh yang meliputi bajet/ramalan terkini. Andaian utama ialah andaian yang terhadapnya amaun boleh pulih unit tersebut paling sensitif;**
 - (ii) **Penerangan tentang pendekatan pihak pengurusan dalam menentukan nilai yang diberikan kepada setiap andaian utama, sama ada nilai tersebut menggambarkan pengalaman lalu atau, jika sesuai, konsisten dengan sumber maklumat luar, dan, jika tidak, bagaimana dan mengapa ia berbeza daripada pengalaman lalu atau sumber maklumat luar;**
 - (iii) **Tempoh unjuran aliran tunai berdasarkan bajet/ramalan kewangan yang**

diluluskan oleh pihak pengurusan dan, apabila tempoh melebihi lima tahun digunakan untuk unit menjana tunai, penjelasan tentang kewajaran tempoh yang lebih panjang diperlukan;

- (iv) **Kadar pertumbuhan yang digunakan untuk mengekstrapolasi unjuran aliran tunai melebihi tempoh yang diliputi oleh bajet /ramalan terkini, dan justifikasi penggunaan sebarang kadar pertumbuhan yang melebihi kadar purata pertumbuhan jangka panjang bagi produk, industri, atau negara di mana entiti beroperasi, atau pasaran yang untuknya unit tersebut dikhususkan; dan**
 - (v) **Kadar diskaun yang terpakai untuk unjuran aliran tunai tersebut.**
- (d) **Jika amaun boleh pulih unit tersebut adalah berdasarkan nilai saksama tolak kos untuk menjual, metodologi yang digunakan untuk menentukan nilai saksama tolak kos untuk menjual. Jika nilai saksama tolak kos untuk menjual tidak ditentukan menggunakan harga pasaran yang diperhatikan bagi unit tersebut, maklumat berikut juga hendaklah didedahkan:**
- (i) **Penerangan tentang andaian utama yang digunakan oleh pihak pengurusan sebagai asas penentuan bagi nilai saksama tolak kos untuk menjual.**

Andaian utama ialah andaian yang paling sensitif terhadap amaun boleh pulih unit tersebut; dan
 - (ii) **Penerangan tentang pendekatan pihak pengurusan dalam menentukan nilai yang diberikan kepada setiap andaian utama, sama ada nilai tersebut menggambarkan pengalaman lalu atau, jika sesuai, konsisten dengan sumber maklumat luar, dan, jika tidak, bagaimana dan mengapa ia berbeza daripada pengalaman lalu atau sumber maklumat luar.**

Jika nilai saksama tolak kos untuk menjual ditentukan dengan menggunakan unjuran aliran tunai terdiskaun, maklumat berikut juga hendaklah didedahkan:
 - (iii) **Tempoh unjuran aliran tunai yang disediakan oleh pihak pengurusan;**
 - (iv) **Kadar pertumbuhan yang digunakan untuk mengekstrapolasi unjuran aliran tunai; dan**
 - (v) **Kadar diskaun yang digunakan untuk unjuran aliran tunai tersebut.**
- (e) **Jika perubahan mungkin berlaku dalam andaian utama, yang pihak pengurusan telah mengguna pakai sebagai asas bagi penentuan amaun boleh pulih unit tersebut, akan menyebabkan amaun bawaan unit tersebut melebihi amaun boleh pulihnya:**

- (i) Amaun yang menyebabkan amaun boleh pulih unit tersebut akan melebihi amaun bawaannya;
- (ii) Nilai yang diberikan kepada andaian utama tersebut; dan
- (iii) Amaun yang nilainya diberikan kepada andaian utama tersebut mesti berubah, setelah mengambil kira sebarang kesan akibat perubahan tersebut terhadap pemboleh ubah lain yang digunakan untuk mengukur amaun boleh pulih, supaya amaun boleh pulih unit tersebut sama dengan amaun bawaannya.

124. Jika sebahagian atau kesemua amaun bawaan aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan diperuntukkan kepada berbilang unit menjana tunai, dan amaun yang diperuntukkan kepada setiap unit adalah tidak signifikan berbanding dengan jumlah amaun bawaan entiti bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan, fakta tersebut hendaklah didedahkan, bersama dengan amaun bawaan agregat bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan yang diperuntukkan kepada unit tersebut. Selain itu, jika:

- (i) amaun boleh pulih bagi mana-mana unit tersebut adalah berdasarkan andaian utama yang sama, dan
- (ii) amaun bawaan agregat bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan yang diperuntukkan kepadanya adalah signifikan berbanding dengan jumlah amaun bawaan entiti bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut, bersama dengan:
 - (a) Amaun bawaan agregat bagi aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan yang diperuntukkan kepada unit tersebut;
 - (b) Penerangan tentang andaian utama tersebut;
 - (c) Penerangan tentang pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menentukan nilai yang diberikan kepada andaian utama tersebut, sama ada nilai tersebut menggambarkan pengalaman lalu atau, jika sesuai, konsisten dengan sumber maklumat luar, dan jika tidak, bagaimana dan mengapa ia berbeza daripada pengalaman lalu atau sumber maklumat luar;
 - (d) Jika perubahan yang mungkin berlaku dalam andaian utama tersebut akan menyebabkan agregat amaun bawaan unit tersebut melebihi agregat amaun boleh pulihnya:
 - (i) Amaun bagi agregat amaun boleh pulih unit yang melebihi agregat amaun bawaannya;
 - (ii) Nilai yang diberikan kepada andaian utama tersebut; and

- (iii) **Amaun bagi nilai dikenakan kepada andaian utama yang berubah, setelah mengambil kira sebarang kesan akibat perubahan tersebut terhadap pemboleh ubah lain yang digunakan untuk mengukur amaun boleh pulih, supaya agregat amaun boleh pulih unit tersebut sama dengan agregat amaun bawaannya.**

125. Kiraan terperinci yang terkini yang dibuat dalam tempoh sebelumnya bagi amaun boleh pulih unit menjana tunai boleh, menurut perenggan 37, dibawa ke hadapan dan digunakan dalam ujian penjejatan nilai bagi unit tersebut dalam tempoh semasa, dengan syarat kriteria yang ditetapkan dipenuhi. Apabila hal ini berlaku, maklumat bagi unit yang dimasukkan dalam pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 123 dan 124, berkaitan dengan kiraan amaun boleh pulih yang dibawa ke hadapan tersebut.

Tarikh Kuat Kuasa

126. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
127. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan, seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS, untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti yang merangkumi tempoh bermula pada atau selepas tarikh pemakaian.

Lampiran A

Panduan Aplikasi

Lampiran ini merupakan bahagian penting dalam MPSAS 26.

Menggunakan Teknik Nilai Kini untuk Mengukur Nilai Sedang Digunakan

Panduan ini menggunakan istilah “aset,” tetapi turut terpakai untuk kumpulan aset yang membentuk unit menjana tunai.

Komponen Pengukuran Nilai Kini

PA1. Kesemua elemen berikut menunjukkan perbezaan ekonomi antara aset menjana tunai:

- (a) Anggaran aliran tunai masa hadapan, atau, dalam kes yang lebih rumit, siri aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan diperolehi entiti daripada aset tersebut;
- (b) Jangkaan tentang variasi yang mungkin dalam amaun atau tempoh aliran tunai tersebut;
- (c) Nilai masa wang, yang diwakili oleh kadar faedah bebas risiko pasaran semasa;
- (d) Harga bagi menanggung ketidakpastian yang wujud dalam aset tersebut; dan
- (e) Faktor lain, yang adakalanya tidak dapat dikenal pasti (seperti ketakcairan), yang akan dihadapi oleh peserta pasaran dalam penentuan harga aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan diperolehi oleh entiti daripada aset tersebut.

PA2. Lampiran ini membandingkan dua pendekatan dalam mengira nilai kini, yang kedua-duanya boleh digunakan untuk menganggarkan nilai sedang digunakan bagi aset, bergantung kepada keadaan. Di bawah pendekatan tradisional, pelarasan bagi faktor (b) hingga (e) yang diterangkan dalam perenggan AG1 terkandung dalam kadar diskaun. Di bawah pendekatan jangkaan aliran tunai, faktor (b), (d) dan (e) menyebabkan pelarasan dalam mendapatkan jangkaan aliran tunai terlaras risiko. Apa saja pendekatan yang digunakan oleh entiti untuk menggambarkan jangkaan tentang variasi yang mungkin dalam amaun atau tempoh aliran tunai masa hadapan, hasilnya hendaklah menggambarkan jangkaan nilai kini bagi aliran tunai masa hadapan, iaitu purata wajaran semua kesudahan yang mungkin.

Prinsip Am

PA3. Teknik yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa hadapan dan kadar faedah mungkin akan berbeza antara satu situasi dengan situasi lain, bergantung pada keadaan sekitar aset berkenaan. Walau bagaimanapun, prinsip am berikut mendasari sebarang penggunaan teknik nilai kini dalam mengukur aset:

- (a) Kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai hendaklah menggambarkan andaian yang konsisten dengan andaian yang wujud dalam anggaran aliran tunai tersebut. Jika tidak, kesan sesetengah andaian akan dikira dua kali atau

diabaikan. Sebagai contoh, kadar diskaun sebanyak 12 peratus mungkin terpakai untuk aliran tunai berkontrak bagi pinjaman belum terima. Kadar tersebut menggambarkan jangkaan tentang kemungkiran masa hadapan daripada pinjaman yang mempunyai ciri tertentu. Kadar 12 peratus tersebut tidak boleh digunakan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran tunai kerana aliran tunai tersebut sudah pun menggambarkan andaian tentang kemungkiran masa hadapan.

- (b) Anggaran aliran tunai dan kadar diskaun hendaklah bebas daripada bias dan faktor yang tidak berkait dengan aset berkenaan. Sebagai contoh, menaksir anggaran aliran tunai bersih kurang daripada yang sebenarnya dengan sengaja bagi tujuan meningkatkan dengan ketara keberuntungan aset pada masa hadapan merupakan bias dalam pengukuran.
- (c) Anggaran aliran tunai atau kadar diskaun hendaklah menggambarkan pelbagai amaun yang mungkin diperoleh, dan bukan hanya satu amaun minimum atau maksimum yang paling mungkin.

Pendekatan Tradisional dan Pendekatan Aliran Tunai Dijangka terhadap Nilai Kini

Pendekatan Tradisional

- PA4. Penggunaan perakaunan bagi nilai kini biasanya menggunakan satu set anggaran aliran tunai dan satu kadar diskaun, yang sering kali diterangkan sebagai kadar yang setara dengan risiko. Kesannya, pendekatan tradisional mengandaikan bahawa satu kadar diskaun biasanya boleh merangkumi semua jangkaan tentang aliran tunai masa hadapan dan premium risiko yang sesuai. Oleh itu, pendekatan tradisional memberikan penekanan yang lebih kepada pemilihan kadar diskaun.
- PA5. Dalam sesetengah keadaan, seperti aset boleh banding yang diperhatikan dalam pasaran, pendekatan tradisional agak mudah digunakan. Bagi aset yang mempunyai aliran tunai berkontrak, ia konsisten dengan cara peserta pasaran menggambarkan aset, seperti dalam bon 12 peratus.
- PA6. Walau bagaimanapun, pendekatan tradisional mungkin tidak menangani dengan sewajarnya sesetengah masalah pengukuran yang rumit, seperti pengukuran aset bukan kewangan yang tidak mempunyai pasaran untuk item tersebut atau tiada item boleh banding. Carian yang betul bagi mendapatkan kadar diskaun yang setara dengan risiko memerlukan analisis dijalankan ke atas sekurang-kurangnya dua item – sesuatu aset yang wujud di pasaran dan mempunyai kadar faedah yang diperhatikan, serta aset yang sedang diukur. Kadar diskaun yang sesuai bagi aliran tunai yang sedang diukur mestilah dibuat berdasarkan kadar faedah yang boleh diperhatikan dalam aset yang dibandingkan tersebut. Bagi penetapan kadar diskaun, ciri aliran tunai aset yang dibandingkan mestilah sama dengan ciri aliran tunai aset yang sedang diukur. Oleh itu, pengukuran mesti dilakukan seperti berikut:
 - (a) Mengetahui pasti set aliran tunai yang akan didiskaunkan;
 - (b) Mengetahui pasti aset lain di pasaran yang mempunyai ciri aliran tunai yang sama;

- (c) Membandingkan set aliran tunai daripada kedua-dua item bagi memastikan ia sama (contohnya, adakah kedua-dua set merupakan aliran tunai berkontrak, atau adakah satu set merupakan aliran tunai berkontrak dan yang satu lagi merupakan anggaran aliran tunai?);
- (d) Menilai sama ada terdapat sesuatu elemen dalam satu item yang tiada dalam item yang satu lagi (contohnya, adakah satu item kurang cair berbanding yang satu lagi?); dan
- (e) Menilai sama ada kedua-dua set aliran tunai mungkin menunjukkan kelakuan yang serupa (iaitu mengikut) perubahan keadaan ekonomi.

Pendekatan Jangkaan Aliran Tunai

PA7. Pendekatan jangkaan aliran tunai, dalam sesetengah keadaan, merupakan alat pengukuran yang lebih berkesan daripada pendekatan tradisional. Dalam mendapatkan pengukuran, pendekatan jangkaan aliran tunai menggunakan semua kemungkinan jangkaan aliran tunai dan bukan satu aliran tunai yang paling mungkin. Sebagai contoh, aliran tunai mungkin berjumlah RM100, RM200 atau RM300, dengan kebarangkalian sebanyak 10 peratus, 60 peratus dan 30 peratus, masing-masing. Jangkaan aliran tunai ialah RM220. Pendekatan jangkaan aliran tunai dengan itu berbeza daripada pendekatan tradisional yang memfokuskan kepada analisis langsung terhadap aliran tunai berkenaan dan pernyataan yang lebih jelas tentang andaian yang digunakan dalam pengukuran.

PA8. Pendekatan jangkaan aliran tunai juga membenarkan penggunaan teknik nilai kini apabila terdapat ketidakpastian pemsamaan aliran tunai. Sebagai contoh, aliran tunai sebanyak RM1000 mungkin diterima dalam tempoh setahun, dua tahun atau tiga tahun, dengan kebarangkalian sebanyak 10 peratus, 60 peratus dan 30 peratus, masing-masing. Contoh di bawah menunjukkan pengiraan jangkaan nilai kini dalam situasi tersebut.

Nilai kini RM1000 dalam tempoh setahun pada 5%	RM952.38	
Kebarangkalian	<u>10%</u>	RM95.24
Nilai kini RM1000 dalam tempoh dua tahun pada 5.25%	RM902.73	
Kebarangkalian	<u>60%</u>	RM541.64
Nilai kini RM1000 dalam tempoh tiga tahun pada 5.50%	RM851.61	
Kebarangkalian	<u>30%</u>	RM255.48
Jangkaan Nilai kini		RM892.36

PA9. Jangkaan nilai kini, iaitu RM892.36 berbeza daripada anggapan tradisional tentang anggaran terbaik, iaitu RM902.73 (kebarangkalian sebanyak 60 peratus). Pengiraan nilai kini tradisional yang terpakai untuk contoh ini memerlukan keputusan dibuat tentang kemungkinan pemsamaan

aliran tunai yang harus digunakan dan, yang mana satu tidak akan menggambarkan kebarangkalian pemasaan lain. Ini kerana kadar diskaun dalam pengiraan nilai kini tradisional tidak dapat menggambarkan ketidakpastian dalam pemasaan.

- PA10. Penggunaan kebarangkalian merupakan elemen penting dalam pendekatan jangkaan aliran tunai. Terdapat persoalan sama ada penetapan kebarangkalian kepada anggaran yang sangat subjektif menimbulkan wujud anggapan bahawa anggaran tersebut adalah lebih tepat daripada anggaran sebenar. Walau bagaimanapun, penggunaan pendekatan tradisional dengan betul (seperti yang diterangkan dalam perenggan A6) memerlukan anggaran dan kesubjektifan yang sama tanpa memberikan ketelusan pengiraan pendekatan jangkaan aliran tunai.
- PA11. Dalam amalan semasa, banyak anggaran yang dihasilkan sudah merangkumi elemen jangkaan aliran tunai secara tidak formal. Selain itu, akauntan sering kali menghadapi keperluan untuk mengukur aset menggunakan maklumat terhad tentang kebarangkalian kemungkinan aliran tunai. Sebagai contoh, seorang akauntan mungkin menghadapi situasi berikut:
- (a) Anggaran amaun jatuh antara RM50 dan RM250, tetapi tiada amaun dalam julat tersebut mempunyai kemungkinan yang lebih besar daripada mana-mana amaun lain. Berdasarkan maklumat terhad tersebut, anggaran aliran tunai dijangka ialah RM150 $[(50+250)/2]$;
 - (b) Anggaran amaun jatuh antara RM50 and RM250, dan amaun yang paling mungkin ialah RM100. Walau bagaimanapun, kebarangkalian setiap amaun tidak diketahui. Berdasarkan maklumat terhad tersebut, anggaran aliran tunai dijangka ialah RM133.33 $[(50+100+250)/3]$; atau
 - (c) Anggaran amaun ialah RM50 (kebarangkalian sebanyak 10 peratus), RM250 (kebarangkalian sebanyak 30 peratus) atau RM100 (kebarangkalian sebanyak 60 peratus). Berdasarkan maklumat terhad tersebut, anggaran aliran tunai dijangka ialah RM140 $[(50 \times 0.10)+(250 \times 0.30)+(100 \times 0.60)]$. Dalam setiap kes, anggaran jangkaan aliran tunai mungkin memberikan anggaran nilai sedang digunakan yang lebih baik daripada amaun minimum, amaun yang paling mungkin atau amaun maksimum sahaja.
- PA12. Penggunaan pendekatan jangkaan aliran tunai tertakluk kepada kekangan kos-manfaat. Dalam sesetengah kes, entiti mungkin mempunyai akses kepada data yang banyak dan dapat mewujudkan banyak senario aliran tunai. Dalam kes lain, entiti mungkin tidak dapat menghasilkan lebih daripada pernyataan umum tentang kebolehubahan aliran tunai tanpa menanggung kos yang tinggi. Entiti perlu mengimbangkan kos untuk mendapatkan maklumat tambahan berbanding dengan maklumat tersebut akan meningkatkan kebolehpercayaan tambahan ke atas pengukuran.
- PA13. Sesetengah pihak menegaskan bahawa teknik jangkaan aliran tunai tidak sesuai untuk mengukur satu item atau sesuatu item yang mempunyai bilangan kemungkinan hasil kiraan terhad. Contohnya sesuatu aset dengan dua kemungkinan hasil kiraan: kebarangkalian sebanyak 90 peratus bahawa aliran tunai ialah RM10 dan kebarangkalian sebanyak 10 peratus bahawa aliran tunai ialah RM1,000. Berdasarkan pemerhatian jangkaan aliran tunai

dalam contoh tersebut ialah RM109, dan mengkritik hasil kiraan tersebut sebagai tidak mewakili mana-mana amaun yang mungkin dibayar akhirnya.

PA14. Pernyataan di atas menggambarkan percanggahan pendapat mengenai objektif pengukuran. Jika objektifnya ialah pengumpulan kos yang akan ditanggung, jangkaan aliran tunai mungkin tidak menghasilkan anggaran jangkaan kos yang tepat. Walau bagaimanapun, Piawaian ini adalah berkenaan pengukuran amaun boleh pulih aset. Amaun boleh pulih aset dalam contoh ini tidak mungkin RM10, walaupun amaun tersebut merupakan aliran tunai yang paling mungkin. Ini kerana ukuran sebanyak RM10 tidak mengambil kira ketidakpastian aliran tunai dalam pengukuran aset tersebut. Sebaliknya, aliran tunai yang tidak pasti tersebut dibentangkan seolah-olah ia merupakan aliran tunai tertentu. Tiada entiti yang rasional akan menjual aset yang mempunyai ciri ini pada harga RM10.

Kadar Diskaun

PA15. Apa saja pendekatan yang digunakan oleh entiti untuk mengukur nilai sedang digunakan bagi aset, kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai tidak sepatutnya menggambarkan risiko yang menyebabkan anggaran aliran tunai tersebut telah dilaraskan. Jika tidak, kesan sesetengah andaian akan dikira dua kali.

PA16. Apabila kadar aset tertentu tidak boleh didapati secara terus dari pasaran, entiti menggunakan pengganti untuk menganggarkan kadar diskaun. Tujuannya adalah untuk menganggarkan, seboleh mungkin, penaksiran pasaran tentang:

- (a) Nilai masa wang bagi tempoh sehingga akhir usia guna aset tersebut; dan
- (b) Faktor (b), (d) dan (e) yang diterangkan dalam perenggan AG1, setakat mana faktor tersebut tidak menyebabkan pelarasan dalam menghasilkan anggaran aliran tunai.

PA17. Sebagai permulaan dalam membuat anggaran tersebut, entiti mungkin mengambil kira kadar berikut:

- (a) Kos modal purata wajar entiti yang ditentukan menggunakan teknik seperti Model Penentuan Harga Aset Modal;
- (b) Kadar kenaikan pinjaman entiti; dan
- (c) Kadar pinjaman pasaran yang lain.

PA18. Walau bagaimanapun, kadar ini mesti dilaraskan:


- (a) Bagi menggambarkan cara pasaran menilai risiko tertentu yang berkait dengan anggaran aliran tunai aset tersebut; dan
- (b) Supaya risiko yang tidak relevan dengan anggaran aliran tunai aset tersebut atau yang baginya anggaran aliran tunai tersebut telah dilaraskan tidak diambil kira. Pertimbangan hendaklah diberikan kepada risiko seperti risiko negara, risiko mata wang dan risiko harga.

- PA19. Kadar diskaun tidak bergantung pada struktur modal entiti dan cara entiti membiayai pembelian aset tersebut kerana aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan timbul daripada aset tidak bergantung pada cara entiti membiayai pembelian aset tersebut.
- PA20. Perenggan 68 menghendaki supaya kadar diskaun yang digunakan ialah kadar sebelum cukai. Oleh itu, apabila asas yang digunakan untuk menganggarkan kadar diskaun ialah selepas cukai, asas tersebut dilaraskan bagi menggambarkan kadar sebelum cukai.
- PA21. Entiti biasanya menggunakan hanya satu kadar diskaun untuk anggaran nilai sedang digunakan bagi aset. Walau bagaimanapun, entiti menggunakan kadar diskaun yang berlainan untuk tempoh masa hadapan yang berbeza jika nilai sedang digunakan sensitif terhadap perbezaan dalam risiko bagi tempoh yang berbeza atau struktur tempoh kadar faedah.

Ilustrasi Pokok Keputusan

Pokok keputusan ini dilampirkan, tetapi bukan merupakan sebahagian daripada, MPSAS 26.

Bagi memudah dan menjelaskan, carta aliran ini mengandaikan bahawa mana-mana aset yang merupakan sebahagian daripada unit menjana tunai juga turut menyumbangkan potensi perkhidmatan kepada aktiviti tidak menjana tunai. Apabila aset hanya menyumbangkan potensi perkhidmatan kepada satu atau lebih unit menjana tunai, tetapi bukan kepada aktiviti tidak menjana tunai, entiti merujuk piawaian perakaunan antarabangsa dan negara yang relevan yang membincangkan keadaan tersebut menurut perenggan 96.



Panduan Pelaksanaan

Panduan ini dilampirkan bersama, tetapi bukan merupakan sebahagian daripada, MPSAS 26.

Kebanyakan aset yang dipegang oleh entiti sektor awam merupakan aset tidak menjana tunai, dan perakaunan untuk penjejasan nilainya hendaklah dijalankan menurut MPSAS 21.

Dalam keadaan aset yang dipegang oleh entiti sektor awam yang bermatlamat untuk menjana pulangan komersil, peruntukan Piawaian ini hendaklah dipatuhi. Kebanyakan aset menjana tunai akan terhasil dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh agensi kerajaan yang tidak menepati takrifan GBE. Satu contoh ialah unit pengeluaran biji benih yang dijalankan secara komersil dan merupakan sebahagian daripada entiti penyelidikan pertanian.

Contoh di bawah adalah berkait dengan, entiti sektor awam yang bukan merupakan GBE yang menjalankan aktiviti komersil.

Pengenalpastian Unit Menjana Tunai

Tujuan contoh ini adalah:

- (a) *Untuk menunjukkan bagaimana unit menjana tunai dikenal pasti dalam pelbagai situasi; dan*
- (b) *Menekankan faktor tertentu yang mungkin diambil kira oleh entiti dalam mengenal pasti unit menjana tunai yang dimiliki oleh aset.*

A—Pengurangan Permintaan yang Berkait dengan Unit Produk Tunggal

Latar Belakang

PP1. Kerajaan mempunyai utiliti penjana elektrik. Utiliti tersebut mempunyai dua penjana turbin di sebuah loji elektrik. Dalam tempoh semasa, sebuah loji perkilangan utama di kawasan tersebut ditutup dan permintaan untuk elektrik berkurang dengan ketara. Akibatnya, kerajaan menutup salah satu penjana tersebut.

Analisis

PP2. Setiap penjana turbin tidak menjana aliran tunai sendiri. Oleh itu, unit menjana tunai yang akan digunakan dalam menentukan penjejasan nilai ialah keseluruhan loji elektrik.

B—Unit Kargo Udara Kerajaan yang Memajakkan sebuah Pesawat

Latar Belakang

PP3. M ialah unit kargo udara entiti kerajaan. Ia mengendalikan tiga pesawat, sebuah landasan pendaratan, serta beberapa hangar dan bangunan lain, termasuk kemudahan penyenggaraan dan kemudahan mengisi minyak. Oleh sebab permintaan untuk perkhidmatannya semakin berkurang, M memajakkan sebuah pesawat kepada entiti sektor swasta untuk tempoh lima tahun.

Di bawah syarat pajakan tersebut, M dikehendaki supaya membenarkan penerima pajak menggunakan landasan pendaratan tersebut dan bertanggungjawab terhadap semua penyenggaraan yang dilakukan pada pesawat tersebut.

Analisis

PP4. Memandangkan wujudnya syarat pajakan tersebut, pesawat yang dipajakkan tidak boleh dianggap sebagai menjana aliran masuk tunai kerana sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai daripada keseluruhan M. Oleh itu, terdapat kemungkinan bahawa unit menjana tunai yang memiliki pesawat tersebut ialah keseluruhan M.

C—Loji Penghancuran dalam Entiti Pelupusan Sisa

Latar Belakang

PP5. Majlis perbandaran menjalankan entiti pelupusan sisa yang memiliki loji penghancuran untuk menyokong aktiviti pelupusan sisanya. Loji penghancuran tersebut hanya boleh dijual pada nilai sekerap, dan ia tidak menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aliran masuk tunai daripada aset lain yang dimiliki oleh entiti pelupusan sisa tersebut.

Analisis

PP6. Amaun boleh pulih loji penghancuran tersebut tidak dapat dianggarkan kerana nilai sedang digunakan tidak dapat ditentukan dan berkemungkinan berbeza daripada nilai sekerap. Oleh itu, entiti menganggarkan amaun boleh pulih unit menjana tunai yang dimiliki oleh loji penghancuran tersebut iaitu mewakili keseluruhan entiti pelupusan sisa.

D—Laluan yang Disediakan oleh Syarikat Bas

Latar Belakang

PP7. Sebuah syarikat bas negeri menyediakan perkhidmatan di bawah kontrak dengan majlis perbandaran yang menetapkan perkhidmatan minimum di setiap lima laluan yang berasingan. Aset yang diperuntukkan kepada setiap laluan dan aliran tunai daripada setiap laluan dapat dikenal pasti secara berasingan. Salah satu laluan beroperasi pada kerugian yang signifikan.

Analisis

PP8. Memandangkan entiti tidak mempunyai pilihan untuk mengurangkan mana-mana laluan bas, tahap paling rendah yang dapat dikenal pasti bagi aliran masuk tunai dan yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aliran masuk tunai daripada aset lain atau kumpulan aset ialah aliran masuk tunai yang dijana oleh kesemua lima laluan. Oleh itu, unit menjana tunai ialah keseluruhan syarikat bas.

Pengiraan Nilai Sedang Digunakan dan Pengiktirafan Kerugian Penjelasan Nilai

Latar Belakang dan Pengiraan Nilai Sedang Digunakan

- PP9. Pada awal tahun 20X0, Kerajaan R, menerusi Jabatan Tenaga, memulakan operasi loji kuasa yang dibina pada kos RM250 juta.
- PP10. Pada awal tahun 20X4, loji kuasa yang dibina oleh pesaing mula beroperasi, menyebabkan penurunan dalam hasil yang dikeluarkan oleh loji kuasa Kerajaan R. Penurunan hasil berlaku disebabkan jumlah elektrik yang dijana, harga elektrik dan kapasiti tunggu sedia telah berkurang daripada jangkaan.
- PP11. Penurunan hasil merupakan bukti bahawa prestasi ekonomi aset tersebut adalah lebih teruk daripada jangkaan. Akibatnya, Kerajaan R perlu menentukan amaun boleh pulih aset tersebut.
- PP12. Kerajaan R menggunakan kaedah susut nilai garis lurus sepanjang tempoh usia guna 20 tahun bagi loji kuasa tersebut dan menjangkakan tiada nilai sisa.
- PP13. Nilai saksama tolak kos untuk menjual tidak dapat ditentukan bagi loji kuasa tersebut. Oleh itu, kebolehpulih hanya dapat ditentukan melalui pengiraan nilai sedang digunakan. Bagi menentukan nilai sedang digunakan untuk loji kuasa tersebut (rujuk Jadual 1), Kerajaan R perlu:
- Menyediakan ramalan aliran tunai yang diperoleh daripada bajet /ramalan kewangan terkini untuk lima tahun berikutnya (tahun 20X5 – 20X9) yang diluluskan oleh pihak pengurusan;
 - Menganggarkan aliran tunai berikutnya (tahun 20Y0 – 20Y9) berdasarkan kadar pertumbuhan menurun antara -6 peratus setahun hingga -3 peratus setahun; dan
 - Memilih kadar diskaun sebanyak 6 peratus, yang merupakan kadar yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko yang wujud khusus bagi loji kuasa Kerajaan R.

Pengiktirafan dan Pengukuran Kerugian Penjejasan Nilai

- PP14. Amaun boleh pulih loji kuasa Kerajaan R ialah RM121.1 juta.
- PP15. Kerajaan R membandingkan amaun boleh pulih loji kuasa tersebut dengan amaun bawaannya (rujuk Jadual 2).
- PP16. Memandangkan amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih sebanyak RM78.9 juta, kerugian penjejasan nilai sebanyak RM78.9 juta diiktiraf serta-merta dalam lebihan atau kurangan.

Jadual 1—Pengiraan Nilai Sedang Digunakan Loji Kuasa Kerajaan R pada Akhir Tahun 20X4

Tahun	Kadar pertumbuhan jangka panjang	Aliran tunai masa hadapan	Faktor nilai kini pada kadar diskaun 6% [§]	Aliran tunai masa hadapan terdiskaun (RM j)
20X5 (n=1)		16.8 *	0.94340	15.8
20X6		14.4 *	0.89000	12.8
20X7		14.2 *	0.83962	11.9
20X8		14.1 *	0.79209	11.2
20X9		13.9 *	0.74726	10.4
20Y0	(6%)	13.1 †	0.70496	9.2
20Y1	(6%)	12.3 †	0.66506	8.2
20Y2	(6%)	11.6 †	0.62741	7.3
20Y3	(5%)	11.0 †	0.59190	6.5
20Y4	(5%)	10.5 †	0.55839	5.9
20Y5	(5%)	10.0 †	0.52679	5.3
20Y6	(4%)	9.6 †	0.49697	4.8
20Y7	(4%)	9.2 †	0.46884	4.3
20Y8	(3%)	8.9 †	0.44230	3.9
20Y9	(3%)	8.6 †	0.41727	3.6
Nilai sedang digunakan				121.1

* Berdasarkan anggaran terbaik pihak pengurusan bagi unjuran aliran tunai bersih.

† Berdasarkan ekstrapolasi daripada aliran tunai tahun sebelumnya menggunakan kadar pertumbuhan menurun.

§ Faktor nilai kini dikira sebagai $k = 1/1(+a)^n$, iaitu a = kadar diskaun dan n = diskaun tempoh.

Jadual 2—Pengiraan Kerugian Penjejasan Nilai bagi Loji Kuasa Kerajaan R pada Awal Tahun 20X5

Awal Tahun 20X5	Jumlah RM(j)
Kos sejarah	
Susut nilai terkumpul (20X4)	(50.0)
Amaun bawaan	200.0
Amaun bawaan selepas kerugian penjejasan nilai	121.1
Kerugian penjejasan nilai	(78.9)

Timbal Balik Kerugian Penjejasan Nilai

Contoh ini bergantung pada data untuk Kerajaan R, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, dengan maklumat tambahan diberikan dalam Contoh ini. Dalam Contoh ini, kesan cukai diabaikan.

Latar Belakang

- PP17. Menjelang tahun 20X6, beberapa pesaing telah menutup loji kuasa dan ini bermakna impak negatif terhadap hasil Kerajaan R adalah kurang daripada yang diunjurkan pada akhir tahun 20X4. Perubahan positif ini memerlukan kerajaan menganggarkan semula amaun boleh pulih loji kuasa tersebut.
- PP18. Kiraan yang serupa dengan kiraan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa amaun boleh pulih loji kuasa tersebut kini berjumlah RM157.7 juta.

Timbal Balik Kerugian Penjejasan Nilai

- PP19. Kerajaan R membandingkan amaun boleh pulih dengan amaun bawaan bersih loji kuasa tersebut dan menimbal balik sebahagian daripada kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam Jadual 2.

Aset Bukan Menjana Tunai yang Menyumbang kepada Unit Menjana Tunai

Latar Belakang

- PP20. Sebuah hospital awam memiliki dan mengendalikan pengimbas Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) yang digunakan terutamanya oleh wad untuk pesakit yang tidak membayar fi. Walau bagaimanapun, 20% daripada penggunaannya adalah untuk merawat pesakit yang membayar fi. Pesakit yang membayar fi ditempatkan dan dirawat di bangunan yang berasingan yang mempunyai wad, sebuah dewan bedah, dan beberapa kelengkapan modal yang digunakan semata-mata untuk pesakit yang membayar fi. Pada 31 Disember 20X6, amaun bawaan bangunan dan kelengkapan modal tersebut ialah RM30,000. Amaun boleh pulih bangunan dan item kelengkapan modal tersebut tidak dapat dianggarkan secara berasingan. Oleh itu, bangunan dan kelengkapan modal tersebut dianggap sebagai unit menjana tunai (CGU). Pada 1 Januari 20X6, pengimbas MRI tersebut mempunyai amaun bawaan sebanyak RM3,000. Belanja susut nilai sebanyak RM600 diiktiraf untuk pengimbas MRI tersebut pada 31 Disember 20X6. Oleh sebab terdapat kemajuan teknologi yang signifikan dalam bidang ini, pengimbas MRI tersebut diuji pada 31 Disember 20X6 untuk menentukan sama ada ia terjejas dan kerugian penjejasan nilai sebanyak RM400 ditentukan supaya amaun bawaan pengimbas MRI tersebut pada 31 Disember 20X6 ialah RM2,000.

Penentuan Amaun Boleh Pulih Unit Menjana Tunai

- PP21. Pada tahun tersebut, terdapat penurunan yang signifikan dalam bilangan pesakit yang membayar fi di hospital tersebut. Oleh itu, CGU tersebut diuji untuk menentukan sama ada ia terjejas. Amaun boleh pulih CGU tersebut, berdasarkan nilai sedang digunakan, ditaksir sebagai RM27,400. 20% daripada amaun bawaan yang disemak semula bagi pengimbas MRI tersebut (RM400) diperuntukkan kepada amaun bawaan CGU tersebut sebelum kerugian penjejasan nilai (RM3,000) ditentukan. Kerugian penjejasan nilai diperuntukkan kepada bangunan dan kelengkapan modal tersebut secara pro rata berdasarkan amaun bawannya. Tiada kerugian penjejasan nilai selanjutnya diperuntukkan kepada pengimbas MRI tersebut kerana kerugian penjejasan nilai telah pun ditentukan di bawah keperluan MPSAS 21,

Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai.

Memasukkan Liabiliti yang Diiktiraf dalam Pengiraan Amaun Boleh Pulih Unit Menjana Tunai

Latar Belakang

PP22. Majlis perbandaran mengendalikan tapak pelupusan sisa dan dikehendaki memulihkan tapak tersebut apabila operasinya selesai. Kos pemulihan termasuk penggantian lapisan atas tanah, yang mesti dibuang sebelum operasi pelupusan sisa bermula. Peruntukan bagi kos menggantikan tanah atas diiktiraf sebaik sahaja lapisan atas tanah dibuang. Amaun yang diperuntukan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos tapak dan disusut nilai sepanjang usia guna tapak. Amaun bawaan peruntukan bagi kos pemulihan ialah RM500, iaitu bersamaan dengan nilai kini kos pemulihan.

Ujian Penjejasan Nilai

PP23. Majlis perbandaran sedang menguji tapak tersebut untuk menentukan sama ada ia terjejas. Unit menjana tunai ialah keseluruhan tapak. Kerajaan telah menerima pelbagai tawaran untuk membeli tapak tersebut pada harga sekitar RM800. Harga ini menggambarkan bahawa pembeli akan memikul obligasi untuk memulihkan lapisan atas tanah. Kos pelupusan bagi tapak tersebut adalah sangat kecil untuk diambil kira. Nilai sedang digunakan bagi tapak tersebut dianggarkan RM1,200, tidak termasuk kos pemulihan. Amaun bawaan tapak pelupusan sisa tersebut ialah RM1,000.

PP24. Nilai saksama tolak kos untuk menjual bagi unit menjana tunai tersebut ialah RM800. Amaun ini termasuk kos pemulihan yang telah pun diperuntukkan. Oleh sebab itu, nilai sedang digunakan bagi unit menjana tunai tersebut ditentukan setelah mengambil kira kos pemulihan, dan dianggarkan berjumlah RM700 (RM1,200 tolak RM500). Amaun bawaan unit menjana tunai tersebut ialah RM500, iaitu amaun bawaan tapak tersebut (RM1,000) tolak amaun bawaan peruntukan bagi kos pelupusan (RM500). Oleh itu, amaun boleh pulih unit menjana tunai tersebut melebihi amaun bawaannya.

Pengolahan Perakaunan bagi Aset Individu dalam Unit Menjana Tunai Bergantung kepada Sama Ada Amaun Boleh Pulih Dapat Ditentukan

Latar Belakang

PP25. Sebuah tangki penyimpanan di loji penulenan air telah mengalami kerosakan fizikal, tetapi masih berfungsi, walaupun tidak sebaik seperti sebelum ia rosak. Nilai saksama tolak kos untuk menjual bagi tangki penyimpanan tersebut adalah kurang daripada amaun bawaannya. Tangki penyimpanan tersebut tidak menjana aliran masuk tunai sendiri. Kumpulan aset paling kecil yang dapat dikenal pasti, yang termasuk tangki penyimpanan tersebut, dan menjana aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai daripada aset lain ialah loji yang memiliki tangki penyimpanan tersebut. Amaun boleh pulih loji tersebut menunjukkan bahawa keseluruhan loji tidak terjejas.

Amaun Boleh Pulih Tangki Penyimpan Tidak Dapat Ditentukan

- PP26. Andaian 1: Bajet /ramalan yang diluluskan oleh pihak pengurusan tidak menggambarkan komitmen pihak pengurusan untuk menggantikan tangki penyimpanan tersebut.
- PP27. Amaun boleh pulih tangki penyimpanan tersebut sendiri tidak dapat dianggarkan kerana nilai sedang digunakan tangki penyimpanan tersebut:
- (a) Mungkin berbeza daripada nilai saksama tolak kos untuk menjualnya; dan
 - (b) Hanya dapat ditentukan bagi unit menjana tunai yang dimiliki oleh tangki penyimpanan tersebut (loji penulenan air tersebut).

Loji tersebut tidak terjejas. Oleh itu, tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi tangki penyimpanan tersebut. Walau bagaimanapun, entiti mungkin perlu menaksir semula tempoh susut nilai atau kaedah susut nilai bagi tangki penyimpanan tersebut. Tempoh susut nilai yang lebih pendek atau kaedah susut nilai yang lebih cepat mungkin diperlukan bagi menggambarkan jangkaan baki usia guna tangki penyimpanan atau jangkaan tentang pola penggunaan manfaat ekonomi oleh entiti.

Amaun Boleh Pulih Tangki Penyimpan Dapat Ditentukan

- PP28. Andaian 2: Bajet /ramalan yang diluluskan oleh pihak pengurusan menggambarkan komitmen pihak pengurusan untuk menggantikan tangki penyimpanan tersebut dan menjualnya dalam masa terdekat. Aliran tunai daripada penggunaan tangki penyimpanan tersebut secara berterusan sehingga pelupusannya dianggarkan sangat kecil untuk diambil kira.
- PP29. Nilai sedang digunakan bagi tangki penyimpanan tersebut dapat dianggarkan sebagai hampir dengan nilai saksama tolak kos untuk menjualnya. Oleh itu, amaun boleh pulih tangki penyimpanan tersebut dapat ditentukan, dan tiada pertimbangan diberikan kepada unit menjana tunai yang memiliki tangki penyimpanan tersebut (iaitu barisan pengeluaran). Oleh sebab nilai saksama tolak kos untuk menjual tangki penyimpanan tersebut adalah kurang daripada amaun bawaannya, kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi tangki penyimpanan tersebut.

Perbandingan dengan IPSAS 26

Penyediaan MPSAS 26, *Penjelasan Nilai Aset Menjana Tunai* berasaskan kepada IPSAS 26 (2011). Perbezaan utama antara MPSAS 26 dengan IPSAS 26 adalah seperti yang berikut:

- Dalam perenggan 4, MPSAS 26 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 26 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.